PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2007

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan

Ekonomi Malaysia terus berkembang 5.3% pada suku pertama 2007 (S4 2006: 5.7%). Permintaan dalam negeri yang didorong aktiviti penggunaan dan pelaburan sektor swasta diperkukuh oleh perbelanjaan pelaburan awam yang meningkat. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh peningkatan yang kukuh dalam sektor perkhidmatan dan aktiviti pembinaan yang lebih giat.

Pertumbuhan kekal mampan pada S1 2007 (pada harga tahun 2000)



Sektor perkhidmatan bertambah kukuh dengan ketara untuk berkembang pada kadar yang pesat sebanyak 9.6% (S4 2006: 8%), didorong peningkatan aktiviti berkaitan dengan penggunaan, kewangan dan perkhidmatan perniagaan. Ini dicerminkan oleh pertumbuhan yang kukuh dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran di samping subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Sektor perkhidmatan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, menyumbang sebanyak lima mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Sektor pembinaan mendapat momentum selanjutnya pada suku pertama 2007, disokong oleh prestasi subsektor kejuruteraan awam yang lebih baik berikutan pelancaran projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sektor itu juga disokong aktiviti dalam sektor bukan kediaman.

Sektor perkilangan pula mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.7% meskipun terdapat penyederhanaan dalam pertumbuhan sektor elektronik dan elektrik (electronics and electric, E&E). Pertumbuhan disokong oleh asas sektor perkilangan yang lebih pelbagai, dengan pertumbuhan dalam industri berasaskan sumber dan beberapa industri tertentu yang berorientasikan dalam negeri mengimbangi kesan kelemahan sektor E&E. Pengeluaran industri berorientasikan eksport berkembang 0.1% pada suku pertama (S4 2006:4.3%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam industri berasaskan sumber seperti keluaran kimia dan getah, dan sebahagian kecilnya oleh keluaran kayu dan petroleum. Sementara itu, permintaan dalam negeri yang kukuh, terutamanya terhadap industri bahan-bahan berkaitan dengan pembinaan, logam yang direka, dan makanan memberikan sokongan kepada industri berorientasikan dalam negeri.

Sektor pertanian terus berkembang 2% pada suku pertama, disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam aktiviti pertanian minor lain seperti ikan, ternakan,

perhutanan, koko, dan buah-buahan dan sayur-sayuran. Sementara itu, sektor perlombongan menguncup 1.1% (S4 2006: 2.1%) disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada suku pertama untuk mencatat pertumbuhan tahunan sebanyak 7.6% (S4 2006: 7.1%), disokong oleh penggunaan swasta yang kukuh dan perbelanjaan pelaburan awam yang meningkat. Peningkatan pendapatan boleh guna yang mantap dalam persekitaran pasaran pekerja yang stabil dan harga komoditi yang kukuh telah menyumbang kepada pertumbuhan penggunaan swasta yang berterusan kukuh sebanyak 8.6%. Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan sebanyak 5.4% (S4 2006: 9.8%), mencerminkan pertumbuhan positif dalam perbelanjaan pelaburan oleh sektor swasta dan awam. Sejumlah besar perbelanjaan sektor awam disalurkan ke arah peningkatan perkhidmatan asas termasuk pengangkutan, pertanian, pembangunan luar bandar serta kemudahan awam.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), terus menjadi sederhana, berpurata 2.6% pada suku pertama 2007 (S4 2006: 3%). Kenaikan harga yang lebih perlahan mencerminkan terutamanya sumbangan yang lebih rendah daripada kategori pengangkutan kepada kadar inflasi keseluruhan, berikutan luputnya kesan kenaikan harga produk petroleum runcit pada bulan Mac 2006.

Dalam sektor luaran, lebihan akaun perdagangan menguncup kepada RM21.3 bilion (S4 2006: RM30.2 bilion) disebabkan pertumbuhan import sebanyak 5.4% (S4 2006: 6.8%) mengatasi pertumbuhan eksport sebanyak 1.1% (S4 2006: 6.6%). Meskipun terdapat penyederhanaan dalam permintaan terhadap komputer dan komponen, eksport perkilangan meningkat 1.5%. Pertumbuhan disokong oleh peningkatan yang berterusan eksport cip separa konduktor ke pasaran selain Amerika Syarikat, peningkatan keluaran berasaskan sumber seperti keluaran kimia dan getah di samping pertumbuhan eksport produk pengguna yang mampan. Sementara itu, eksport pertanian meningkat 7.7% pada suku pertama, disokong terutamanya oleh peningkatan yang ketara dalam eksport minyak sawit disebabkan oleh kenaikan harga eksport yang kukuh. Kenaikan harga ini disebabkan sebahagian besarnya oleh permintaan global terhadap minyak sawit yang berterusan tinggi, khususnya dari Republik Rakyat China (RR China), Kesatuan Eropah dan AS, dalam keadaan kemerosotan pengeluaran dan stok, di samping kenaikan harga minyak kacang soya disebabkan oleh pengalihan tanaman kepada penanaman jagung di AS untuk memenuhi permintaan dalam negeri terhadap biobahan api. Perolehan daripada eksport galian merosot pada suku pertama disebabkan oleh eksport minyak mentah yang lebih rendah akibat kejatuhan harga, manakala jumlah eksport terus meningkat.

Import kasar terus meningkat pada suku pertama, mencerminkan input diimport yang lebih tinggi untuk eksport perkilangan dan peningkatan yang berterusan dalam produk penggunaan. Import barangan pengantara meningkat 8.8%, manakala import barangan pengguna berkembang 8.9%. Import barangan modal terus tinggi sebanyak RM15 bilion disebabkan terutamanya import jentera dan peralatan yang berterusan tinggi dalam sektor pertanian, perkhidmatan, dan minyak dan gas.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI), sebagaimana yang dipantau oleh sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia (tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport) mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.9 bilion pada suku pertama mencerminkan aliran masuk modal ekuiti terutamanya dalam sektor

perkilangan, perkhidmatan, dan minyak dan gas. Penyertaan asing yang ketara dalam pasaran ekuiti dalam negeri pada suku pertama dicerminkan oleh aliran masuk bersih yang nyata dalam pelaburan portfolio sebanyak RM26.9 bilion. Sementara itu, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM3.8 bilion (S4 2006: -RM1.6 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM305.9 bilion atau bersamaan dengan USD88.6 bilion pada 30 Mac 2007. Pada 15 Mei 2007, rizab berjumlah RM326.5 bilion atau bersamaan USD94.5 bilion. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan ialah 9.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR) dikekalkan pada 3.50% sepanjang suku pertama 2007 memandangkan paras semasa kadar dasar itu sejajar dengan prospek jangka sederhana inflasi yang secara relatifnya adalah rendah dan stabil serta pertumbuhan ekonomi pada kadar yang mampan.

Dengan OPR tidak berubah, kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang terus stabil pada suku pertama. Kadar pinjaman dan deposit runcit juga secara relatif terus tidak berubah. Walau bagaimanapun, kadar deposit tetap benar meningkat dengan ketara pada bulan Mac berikutan penurunan inflasi.

Pembiayaan yang dikeluarkan kepada sektor swasta terus kukuh. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.1% pada akhir suku pertama. Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6.2% dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing berkembang 6.3% dan 7.8%. Penunjuk pinjaman utama pada asas tahunan adalah lebih tinggi. Permohonan dan kelulusan pinjaman adalah lebih tinggi dengan ketara, didorong oleh peningkatan permintaan oleh sektor perniagaan.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal oleh sektor awam dan swasta meningkat kepada RM9.4 bilion pada suku pertama. Meskipun dana kasar yang diperoleh dalam pasaran PDS adalah lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya, dana bersih yang diperoleh lebih tinggi dengan ketara pada RM1.2 bilion, disebabkan oleh penebusan yang lebih rendah pada suku itu. Dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti juga adalah lebih tinggi, berjumlah RM795 juta.

M1 atau wang secara kecil meningkat pada kadar tahunan yang lebih kukuh sebanyak 17.9% pada akhir suku pertama 2007, mencerminkan terutamanya peningkatan deposit permintaan perusahaan perniagaan, dan sebahagian kecilnya jumlah yang lebih besar mata wang yang dipegang oleh sektor swasta. Pertumbuhan M3 atau wang secara luas berterusan pada 12.8%. Perkembangan M3 pada suku pertama didorong terutamanya oleh peningkatan aset asing bersih berikutan aliran masuk yang lebih tinggi dalam bentuk perolehan eksport, pelaburan langsung asing bersih dan pelaburan portfolio.

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama pada suku pertama 2007 dalam keadaan aliran masuk perdagangan dan pelaburan bersih. Penambahan nilai ringgit pada umumnya adalah selaras dengan rakan perdagangan serantau utama. Ringgit menambah nilai berbanding dengan semua mata wang serantau kecuali baht Thailand pada suku pertama.

Bagi tempoh 1 April – 28 Mei 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama. Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Singapura (2.7%), won Korea (0.9%), renminbi China (0.9%), dan baht Thailand (0.9%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (2.9%) dan rupiah Indonesia (2.7%).

Daya tahan sistem perbankan yang tinggi

Sistem perbankan terus menunjukkan daya tahan yang teguh, sebagaimana yang dibuktikan oleh paras permodalan yang tinggi dan keberuntungan yang bertambah baik. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) berada pada 13.1% pada akhir bulan Mac 2007, manakala keuntungan sebelum cukai mencatat peningkatan sebanyak 17.8% kepada RM3.7 bilion berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2006. Kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik pada suku pertama sebagaimana yang dicerminkan dalam penurunan selanjutntya jumlah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan. Hasilnya, nisbah NPL bersih menurun lagi kepada 4.6% daripada pinjaman bersih (S4 2006: 4.8%).

Pertumbuhan lebih kukuh pada separuh kedua tahun 2007

Ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada separuh kedua tahun 2007. Dalam sektor luaran, penunjuk-penunjuk ekonomi menunjukkan prestasi pertumbuhan yang menggalakkan bagi Eropah, Jepun dan Asia, RR China dan India. Di samping itu, penyederhanaan yang dialami sektor E&E pada masa ini dijangka hanya sementara kerana penunjuk masa hadapan seperti nisbah *book-to-bill* dan indeks *tech pulse* AS menunjukkan peningkatan dalam industri elektronik pada separuh kedua tahun ini. Di dalam negeri, penunjuk masa hadapan menunjukkan penggunaan dan pelaburan swasta akan terus menyokong permintaan dalam negeri. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) bagi suku pertama 2007 meningkat kepada 124.1 mata, paras tertinggi yang pernah dicatat sejak suku ketiga 2000, menunjukkan bahawa keyakinan pengguna secara keseluruhan berterusan terhadap prospek ekonomi. Pertumbuhan pendapatan yang mampan ekoran daripada harga komoditi yang kukuh dan keadaan pekerjaan yang stabil dijangka terus menyokong penggunaan isi rumah. Sementara itu, Indeks Keyakinan Perniagaan MIER terus melebihi paras ambang 100 mata, membayangkan perkembangan aktiviti pelaburan yang kukuh. Dari segi pengeluaran, pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang lebih cepat, permulaan pengeluaran di Medan Minyak Kikeh dan permulaan pengeluaran sepenuhnya loji MNLG-2 selepas dinaik taraf serta jangkaan peningkatan ketara ketibaan pelancong pada musim puncak bagi perjalanan musim panas, dijangka menyumbang kepada pertumbuhan pada separuh kedua tahun 2007.

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan mampan dalam kebanyakan rantau utama meskipun penyederhanaan di AS

Pertumbuhan ekonomi global terus mengalami momentum pertumbuhan yang positif, disokong oleh pemulihan berterusan di Jepun dan kawasan euro selain pertumbuhan yang mampan di rantau Asia, meskipun penyederhanaan yang berterusan dalam ekonomi AS.

Ekonomi **AS** berkembang pada kadar yang terendah dalam tempoh empat tahun pada suku pertama 2007, dengan peningkatan sebanyak 1.3% dalam keadaan kelemahan yang berterusan dalam sektor harta kediaman dan automotif. Pelaburan harta kediaman terus menjadi penghalang utama kepada pertumbuhan, merosot untuk tempoh enam suku berturut-turut. Kelemahan dalam pasaran perumahan jelas dapat dilihat daripada kemerosotan yang berterusan dalam jualan rumah dan inventori rumah yang semakin meningkat. Di samping itu, defisit perdagangan barangan dagangan bertambah besar dengan pertumbuhan eksport mencatat kemerosotan buat pertama kali sejak suku kedua 2003. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pengguna terus berdaya tahan, disokong oleh pewujudan pekerjaan, pengangguran yang rendah dan upah yang meningkat.

Di **Jepun**, ekonomi terus berada pada trend pemulihan pada suku pertama, dengan pertumbuhan sebanyak 2.4%. Pengembangan yang berterusan didorong oleh penggunaan swasta yang menggalakkan dan permintaan luar negeri yang teguh. Perbelanjaan sektor isi rumah meningkat pada tiga bulan pertama tahun 2007, disokong oleh perbelanjaan penggunaan terhadap perkhidmatan pengangkutan dan komunikasi, meskipun terdapat sedikit kelemahan dalam jualan runcit. Di samping itu, aktiviti eksport terus menyokong pertumbuhan ekonomi dalam keadaan permintaan yang mampan dari luar negeri, terutamanya dari RR China. Kaji selidik Tankan yang dikeluarkan pada bulan April menunjukkan sektor perniagaan terus optimis dengan rancangan untuk meningkatkan perbelanjaan modal dalam jangka masa terdekat. Sementara itu, **kawasan euro** mengekalkan momentum pertumbuhannya pada suku pertama. Sentimen pengguna terus bertambah baik di kawasan euro dengan kebanyakan penunjuk sentimen berada dalam trend menaik. Pemulihan dalam jualan runcit menunjukkan aktiviti penggunaan swasta yang berdaya tahan. Keadaan pasaran pekerja yang

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2006			2007	Faktor penyumbang utama pertumbuhan S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	5.6	2.5	3.3	1.3[a]	Pertumbuhan yang lebih perlahan daripada jangkaan terutamanya disebabkan penurunan dalam pelaburan harta kediaman dan eksport. Namun, perbelanjaan pengguna berterusan.
UK	2.4	3	2.8	2.8[p]	Sektor perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan perniagaan dan kewangan, terus memacu pertumbuhan.
Kawasan Euro	2.2	3.3	2.8	3.1[p]	Disokong oleh pelaburan perniagaan dan perdagangan bersih.
Jepun[1]	3.1	5.0[r]	2.2	2.4[p]	Disokong oleh penggunaan swasta yang kukuh dan aktiviti eksport yang teguh.

[1] Berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[a] Anggaran awal
[r] Disemak
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

bertambah baik dan peningkatan pelaburan modal memberikan sokongan kepada pertumbuhan. Pertumbuhan dalam ekonomi **UK** berterusan pada kadar 2.8% pada suku pertama. Pertumbuhan disokong oleh sektor perkhidmatan yang memberangsangkan, yang dipacu oleh subsektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Penyederhanaan dalam pengeluaran perkilangan diimbangi oleh pengeluaran yang meningkat dalam sektor perlombongan dan kuari serta bekalan tenaga. Kaji selidik runcit oleh Confederation of British Industry menunjukkan pengguna masih berbelanja, meskipun dalam keadaan kos hidup yang lebih tinggi dan kos pinjaman yang meningkat.

Kebanyakan bank pusat terus mempunyai kecenderungan terhadap **dasar monetari** yang ketat. Di **AS, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan** (Federal Open Market Committee, FOMC) mengekalkan kadar faedah pada 5.25% dalam mesyuaratnya pada 21 Mac dan 9 Mei 2007. Inflasi terus menjadi perhatian. Kedua-dua indeks harga pengguna teras dan indeks perbelanjaan penggunaan persendirian menurun pada bulan Mac, tetapi terus melebihi zon selesa Federal Reserve antara 1-2%. **European Central Bank** mengekalkan kadar faedah pada 3.75% pada bulan April, setelah menaikkan sebanyak 25 mata asas pada bulan Mac dalam keadaan kebimbangan terhadap tekanan inflasi yang berpunca daripada pertumbuhan pesat wang dan kredit. **Bank of England** menaikkan kadar dasarnya pada bulan Januari dan Mei sebanyak 25 mata asas bagi setiap kali kenaikan kepada 5.5% disebabkan oleh kebimbangan terhadap inflasi. Data inflasi bagi bulan Mac mencatat kenaikan sebanyak 3.1%, melebihi satu mata peratusan daripada sasaran 2% oleh Bank of England. **Bank of Japan** mengekalkan kadar faedah pada 0.5% pada 27 April disebabkan kebimbangan terhadap trend inflasi yang menurun selepas dua bulan harga pengguna mengalami kejatuhan.

Harga minyak mentah global naik pada penghujung suku pertama, ditutup pada harga USD65.87 setong pada 30 Mac, paras tertinggi dalam tempoh dua bulan, dalam keadaan kebimbangan terhadap bekalan di Nigeria dan ketegangan yang berterusan antara Iran dengan AS. Pada 29 Mei, harga minyak ditutup pada USD63.15 setong.

Pada suku pertama, ekonomi RR China berkembang dengan lebih kukuh, disokong peningkatan eksport dan pelaburan yang berterusan. Permintaan dalam negeri yang mampan menyokong pertumbuhan ekonomi lain di rantau ini apabila pertumbuhan eksport, terutamanya keluaran elektrik dan elektronik menjadi sederhana.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2006			2007	Faktor penyumbang utama pertumbuhan S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	10.4	10.4	10.7	11.1	Didorong oleh eksport dan pelaburan.
Singapura	10.1	6.6	7.9	6.1	Disokong oleh sektor pembinaan dan perkhidmatan kewangan.
Indonesia	4.8	6.1	5.5	6.0	Disokong oleh pelaburan dan eksport.
Hong Kong SAR	8.0	7.0	6.8	5.6	Disokong oleh penggunaan swasta dan eksport.
Korea	6.3	4.0	5.0	4.0[a]	Disokong oleh eksport, pelaburan dan penggunaan swasta.

[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Kebanyakan negara serantau mengalami tekanan inflasi yang lebih rendah, ekoran harga minyak yang pada umumya lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya. Inflasi yang lebih rendah mendorong Indonesia dan Thailand untuk mengurangkan kadar dasarnya bagi merangsang permintaan dalam negeri. Sementara itu, RR China dan India menaikkan kadar faedah bagi membendung pertumbuhan kredit yang kukuh.

Dalam **pasaran tukaran asing**, dolar AS mengakhiri suku pertama dengan lebih lemah berbanding dengan mata wang utama. Sementara perbezaan kadar faedah terus menjadi faktor utama yang mempengaruhi prestasi dolar AS, kebimbangan terhadap kekukuhan ekonomi AS juga menjejaskan prestasi dolar. Pada 18 April, dolar AS mencecah paras paling rendah dalam tempoh 26 tahun berbanding dengan paun sterling dan diikuti pula paras terendah yang pernah dicatat berbanding dengan euro pada 27 April. Perkembangan ini mencerminkan jangkaan pasaran terhadap penurunan kadar faedah oleh AS dan kenaikan kadar faedah yang selanjutnya di Eropah. Sementara itu, kebanyakan mata wang serantau mengakhiri suku pertama dengan lebih kukuh berbanding dengan suku keempat 2006, disebabkan oleh aliran masuk perdagangan dan pelaburan yang kukuh. Prestasi pasaran ekuiti pula terus disokong oleh aliran masuk dana portfolio asing yang kukuh.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pengembangan ekonomi disokong oleh pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan yang kukuh dan aktiviti pembinaan yang lebih giat

Pertumbuhan KDNK benar berkembang 5.3% pada suku pertama tahun 2007, disokong oleh pertumbuhan sektor perkhidmatan yang kukuh dan aktiviti pembinaan yang lebih giat. Pertumbuhan sektor perkhidmatan didorong oleh aktiviti berkaitan penggunaan, kewangan dan perkhidmatan perniagaan, manakala sektor pembinaan memperoleh momentum selanjutnya, disokong oleh projek-projek yang dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga peningkatan aktiviti segmen bukan kediaman. Sektor perkilangan pula terus berkembang, disokong oleh asas industri yang pelbagai, dengan pertumbuhan dalam industri berasaskan sumber dan industri berorientasikan dalam negeri tertentu mengimbangi kesan kelemahan dalam sektor elektronik dan elektrik. Penyederhanaan dalam sektor elektronik ini dinilaikan sebagai fenomena yang sementara memandangkan penunjuk masa hadapan di AS seperti nisbah *book-to-bill* dan indeks *tech pulse* AS (US tech pulse index) menunjukkan industri elektronik dijangka bertambah baik pada sepanjang tahun 2007. Sektor pertanian terus berkembang, disokong terutamanya oleh tanaman minor, sementara prestasi sektor perlombongan lembap disebabkan keseluruhannya oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Tahun 2000[1]

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	5.9	5.1	5.2	2.0
Perlombongan	-2.7	2.1	-0.4	-1.1
Perkilangan	8.8	4.0	7.1	1.7
Pembinaan	-1.9	0.6	-0.5	4.0
Perkhidmatan	6.6	8.0	7.2	9.6
KDNK benar (Perubahan Tahunan)	**6.0**	**5.7**	**5.9**	**5.3**
KDNK benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**-1.6**	**0.5**	**5.9**	**-1.9**

[1] Asas bagi KDNK telah ditukar daripada harga tahun 1987 ke harga tahun 2000
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan kekal sebagai pendorong utama pertumbuhan

Sektor perkhidmatan bertambah kukuh dengan ketara dan berkembang pada kadar yang tinggi sebanyak 9.6% (S4 2006: 8%), didorong terutamanya oleh segmen perkhidmatan pengantara. Pertumbuhan sektor ini disokong oleh aktiviti penggunaan, kewangan dan perniagaan yang kukuh.

Subsektor **kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat prestasi kukuh yang luar biasa pada 17.6% (S4 2006: 10.8%). Peningkatan sumbangan daripada aktiviti berasaskan fi di samping aktiviti pinjaman dalam perbankan konvensional dan Islam telah menyebabkan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam segmen

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah pada Harga Tahun 2000)

	Bahagian 2006	2006			2007
		S1	S4	Tahun	S1
	%	Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**42.8**	**5.2**	**9.5**	**7.6**	**13.4**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	14.2	4.6	6.8	6.0	5.4
Pengangkutan & Penyimpanan	*7.0*	*3.8*	*6.7*	*5.2*	*5.5*
Komunikasi	*7.2*	*5.4*	*6.8*	*6.8*	*5.3*
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	28.6	5.6	10.8	8.4	17.6
Kewangan & Insurans	*19.8*	*6.1*	*8.8*	*7.7*	*13.2*
Harta tanah & Perkhidmatan Perniagaan	*8.8*	*4.5*	*15.6*	*9.9*	*27.3*
Perkhidmatan Akhir	**57.2**	**7.7**	**7.0**	**7.0**	**6.7**
Elektrik, gas & air	5.9	4.5	6.2	5.2	4.1
Perniagaan borong & runcit, penginapan dan restoran	26.6	8.3	6.4	6.9	8.9
Perniagaan Borong & Runcit	*22.3*	*9.2*	*6.0*	*7.1*	*9.1*
Penginapan & Restoran	*4.2*	*4.0*	*9.1*	*6.0*	*8.1*
Perkhidmatan Kerajaan	13.6	10.1	10.6	9.8	6.0
Perkhidmatan lain	11.1	5.4	4.5	4.7	4.1
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**6.6**	**8.0**	**7.2**	**9.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kewangan. Perkembangan selanjutnya termasuk pembukaan sebuah lagi bank Islam asing di Malaysia dan pengenalan produk baharu pada suku pertama. Peningkatan minat terhadap produk insurans berkaitan dengan pelaburan menghasilkan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam aktiviti insurans. Pertumbuhan subsektor itu disumbangkan selanjutnya oleh segmen perkhidmatan perniagaan, terutamanya mendapat manfaat daripada perkembangan yang memberangsangkan dalam pasaran saham dan peningkatan aktiviti yang berkaitan dengan IT.

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	Peratusan pada akhir tempoh (%)			
Kadar penembusan telefon bimbit	77.7	72.3	72.3	77.0
Kadar penembusan internet	13.9	14.0	14.0	14.0
Kadar penembusan jalur lebar	2.2	3.3	3.3	3.7
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	6.5	0.2	2.2	-0.9
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	19.0	14.9	14.9	12.8
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	7.5	12.0	12.0	10.1
Import barangan penggunaan	14.0	12.1	13.4	8.9
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-2.5	-24.8	-11.2	-15.4
Trafik SMS	118.9	32.1	52.7	56.9
Kargo laut yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	7.8	18.7	14.2	18.5
Hasil kargo yang dikendali (keretapi)	-1.5	12.3	5.1	8.8

Sumber: Pelbagai Sumber

Pertumbuhan subsektor **perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran** juga bertambah kukuh kepada 8.9% (S4 2006: 6.4%). Penggunaan dalam negeri yang kukuh semasa musim perayaan dan juga ketibaan pelancong yang lebih tinggi hasil daripada program-program yang dilancarkan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 menyokong pertumbuhan dalam aktiviti perdagangan edaran, hospitaliti dan pengangkutan udara. Kekukuhan ini dicerminkan oleh penunjuk seperti import barangan penggunaan dan perbelanjaan kad kredit serta Indeks Perdagangan Runcit dan Indeks Pasaran Pelancongan MIER. Indeks Perdagangan Runcit mencatat paras tertingginya sejak suku ketiga 2005, manakala Indeks Pasaran Pelancongan mencatat paras tertingginya sejak suku ketiga 2004. Hanya industri perdagangan automotif yang lembap disebabkan sikap "tunggu dan lihat" oleh para pengguna dalam keadaan kelemahan pasaran kereta terpakai, dan penantian terhadap pelancaran model-model baharu pada separuh kedua tahun ini.

Subsektor **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** terus berkembang 5.4% (S4 2006: 6.8%) disokong oleh industri telekomunikasi dan segmen pengangkutan tertentu. Pengangkutan darat mendapat manfaat daripada peningkatan aktiviti perjalanan disebabkan musim perayaan pada suku pertama. Hasil yang lebih tinggi juga dijana oleh industri penerbangan berikutan peningkatan penumpang antarabangsa yang dirangsang aktiviti pelancongan. Selain itu, hasil yang lebih tinggi daripada aktiviti yang berkaitan dengan perlabuhan, terutamanya pemunggahan juga telah menyumbang kepada pertumbuhan yang memberangsangkan dalam industri pengangkutan. Sementara itu, industri telekomunikasi disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam segmen selular berikutan jumlah bilangan pelanggan yang lebih besar dan penggunaan perkhidmatan suara dan data yang lebih tinggi, terutama mesej pesanan ringkas. Pertumbuhan juga dirangsang oleh peningkatan dalam jumlah pelanggan Internet, dan juga pengguna jalur lebar yang meningkat hampir kepada satu juta pelanggan pada akhir bulan Mac 2007.

Subsektor **utiliti** disokong oleh permintaan yang meningkat terhadap elektrik daripada subsektor komersial dan isi rumah, manakala pertumbuhan dalam **perkhidmatan Kerajaan** mencerminkan peningkatan emolumen, termasuk elaun yang dibayar kepada kakitangan awam pada suku itu.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**8.8**	**4.0**	**7.1**	**1.7**
Pengeluaran Keseluruhan	**8.9**	**5.3**	**7.5**	**0.4**
Industri berorientasikan eksport	**10.8**	**4.3**	**7.5**	**0.1**
Antaranya:				
Elektronik dan barangan elektrik	17.4	1.9	7.9	-5.0
Elektronik	23.1	4.5	11.8	-3.4
Barangan elektrik	2.4	-5.5	-2.9	-10.1
Bahan kimia dan keluaran kimia	5.6	-0.6	3.2	7.1
Keluaran petroleum[1]	8.7	12.8	13.6	5.9
Tekstil, pakaian dan kasut	10.6	1.5	6.1	-10.4
Kayu dan keluaran kayu[2]	3.3	9.7	3.8	1.5
Keluaran getah	-7.3	15.2	7.2	16.1
Pemprosesan luar estet	-4.9	9.6	5.7	-1.2
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**1.1**	**9.9**	**7.2**	**2.0**
Antaranya:				
Keluaran galian bukan logam	-5.0	9.2	3.3	-3.0
Besi & keluli dan logam bukan ferum	-9.8	20.5	3.0	13.0
Makanan	-1.6	9.7	6.7	14.0
Kelengkapan pengangkutan	6.7	-14.0	-1.5	-27.9
Keluaran logam yang direka	15.2	30.1	26.5	18.0
Jumlah Eksport Perkilangan	**10.6**	**5.7**	**10.1**	**1.5**
Antaranya:				
Keluaran elektronik dan elektrik	8.4	1.7	6.4	-1.9
Bahan kimia dan keluaran kimia	-6.9	17.6	10.7	34.0
Keluaran petroleum	40.3	2.5	27.2	-25.2
Keluaran kayu	-3.7	26.8	16.7	15.3
Barangan perabot	8.0	7.6	7.9	7.9
Keluaran getah	17.7	30.8	34.3	29.2

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baru, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport
[2] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



* Mulai S1 2007, kaji selidik telah diperluas untuk meliputi syarikat-syarikat baharu

Pengembangan berterusan dalam sektor perkilangan...

Nilai ditambah **sektor perkilangan** mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.7% (S4 2006: 4%) meskipun berlaku penyederhanaan dalam pertumbuhan sektor E&E. Pengeluaran **industri berorientasikan eksport** meningkat 0.1% pada suku pertama (S4 2006: 4.3%) disebabkan oleh industri berasaskan sumber seperti keluaran kimia dan getah, dan sebahagian kecilnya oleh keluaran kayu dan petroleum, yang mengimbangi kemerosotan yang dialami oleh sektor E&E (-5.0%; S4 2006: 1.9%). Prestasi sektor E&E terjejas terutamanya oleh permintaan yang lebih lemah daripada pasaran AS, khususnya terhadap komputer dan komponen (-18.7%; S4 2006: -6.1%) Sementara itu, pengeluaran cip separa konduktor terus meningkat (1.0%; S4 2006:7.4%) disokong oleh permintaan dari rantau selain AS.

Dalam industri berasaskan sumber, sektor kimia pulih untuk mencatat pertumbuhan yang positif pada suku pertama hasil daripada pengeluaran keluaran gas industri dan plastik yang lebih tinggi. Peningkatan dalam segmen plastik disokong oleh pengeluaran produk berkaitan dengan pembinaan yang lebih tinggi seperti paip dan tiub plastik. Sementara itu, industri keluaran getah terus mencatat pertumbuhan yang kukuh pada kadar dua angka, didorong oleh permintaan terhadap sarung tangan getah asli di samping memperoleh manfaat daripada pengeluaran produk tayar yang lebih tinggi berikutan peralihan sesetengah pengilang kepada tayar yang berkualiti lebih tinggi. Industri pemprosesan di luar estet

pula merosot pada suku itu, sejajar dengan pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih rendah.

Pengeluaran industri **berorientasikan dalam negeri** meningkat 2% pada suku pertama. Pertumbuhan didorong oleh industri makanan dan keluaran logam yang direka. Sementara itu, kesan positif daripada aktiviti berkaitan dengan pembinaan terhadap industri perkilangan tertentu sedikit sebanyak menjadi perlahan disebabkan kemerosotan dalam segmen keluaran kaca. Ini disebabkan terutamanya oleh sesetengah pengilang televisyen beralih daripada pengeluaran televisyen dengan tiub sinar katod kepada televisyen dengan panel leper yang lebih canggih. Sementara itu, industri kelengkapan pengangkutan terus lemah selaras dengan trend permintaan terhadap kenderaan baharu, yang terjejas oleh kejatuhan harga kereta dalam pasaran kereta terpakai.

Secara keseluruhannya, sektor perkilangan beroperasi pada **kadar penggunaan kapasiti** sebanyak 70% pada suku pertama (S4 2006: 72%), dengan industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing berpurata 74% dan 62% (S4 2006: masing-masing 75% dan 65%).

Pertumbuhan berterusan dalam sektor pertanian...

Sektor pertanian berkembang 2%, mencerminkan peningkatan dalam segmen ikan, ternakan, koko, perhutanan, buah-buahan dan sayur-sayuran, yang sebahagiannya diimbangi oleh penurunan dalam aktiviti berkaitan minyak sawit mentah dan getah.

Pengeluaran **minyak sawit mentah** merosot 1.4% kepada 3.19 juta tan, menandakan berakhirnya kitaran pengeluaran yang tinggi yang bermula pada bulan Mei 2006. Hasil sehektar menurun kepada 4 tan sehektar (S1 2006: 4.12 tan sehektar). Pengeluaran juga terjejas oleh gangguan terhadap aktiviti tanaman dan tuaian disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk pada bulan Mac di wilayah pengeluaran utama.

Prestasi Sektor Pertanian

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**5.9**	**5.1**	**5.2**	**2.0**
Pengeluaran[1]				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	-5.4	10.7	6.1	-1.4
Minyak isirong sawit mentah	-8.9	14.7	6.1	3.3
Getah	27.4	11.2	13.3	-5.2
Biji koko	24.1	-19.9	14.2	2.9
Ikan	9.2	10.0	8.3	5.2
Eksport (RM juta)	**4.5**	**22.1**	**12.5**	**7.7**
Antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan)	2.7	20.9	7.2	-11.2
(RM/tan)	-4.6	14.7	6.0	34.1
(RM juta)	-2.0	38.6	13.7	19.2
Minyak isirong sawit				
('000 tan)	-45.8	15.4	-10.1	65.0
(RM/tan)	-12.4	-9.9	-16.1	2.1
(RM juta)	-52.6	3.9	-24.6	68.5
Getah				
('000 tan)	3.0	1.4	1.3	-12.3
(Sen/kilogram)	43.9	11.1	40.5	-0.7
(RM juta)	48.2	12.7	42.3	-12.9
Kayu siap digergaji				
('000 meter padu)	-19.6	5.2	-9.9	-5.9
(RM/meter padu)	37.2	4.1	18.8	-1.8
(RM juta)	10.3	9.5	7.0	-7.6
Kayu balak				
('000 meter padu)	-19.4	-3.2	-17.1	-8.3
(RM/meter padu)	18.1	7.2	10.7	-2.4
(RM juta)	-4.8	3.8	-8.3	-10.5
Biji koko				
('000 tan)	101.1	-8.2	45.8	-13.5
(RM/tan)	0.1	10.1	3.7	4.8
(RM juta)	101.2	1.1	51.2	-9.3

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia

Pengeluaran getah menurun 5.2% pada suku pertama (S4 2006: 11.2%). Pengeluaran yang rendah disebabkan musim luruh tahunan, yang berlaku semasa bulan Februari hingga pertengahan bulan Mei dan memberikan kesan yang ketara terhadap hasil. Berdasarkan keadaan bekalan yang ketat, harga getah meningkat kepada purata 707 sen sekilogram pada suku itu (S4 2006: 608 sen sekilogram) dengan harga mencecah paras tertinggi 750 sen sekilogram pada 9 Februari 2007.

Pengembangan sektor pertanian disokong terutamanya oleh aktiviti pertanian yang lain seperti ikan, ternakan, koko, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Pengeluaran **ikan** meningkat selanjutnya sebanyak 5.2% kepada 360,900 tan, disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pendaratan ikan marin, termasuk peningkatan yang ketara dalam perikanan laut dalam. Sementara itu, pengeluaran **koko** kembali pulih untuk meningkat 2.9% kepada 9,748 tan disebabkan hasil yang lebih tinggi.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**-2.7**	**2.1**	**-0.4**	**-1.1**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	-0.5	0.3	-0.5	-3.8
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	-6.0	4.4	-0.4	1.1
Eksport (RM juta)	**23.0**	**0.5**	**8.6**	**-3.6**
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat				
('000 tan)	-7.3	-8.1	-8.0	3.8
(USD/tong)	40.8	4.2	21.3	-6.0
(RM juta)	28.1	-8.0	8.1	-8.5
Gas asli cecair				
('000 tan)	-2.6	1.8	-1.9	4.5
(RM/tan)	19.6	8.7	14.2	-0.2
(RM juta)	16.4	10.7	12.0	4.3

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam **sektor perlombongan**, pertumbuhan dipengaruhi terutamanya oleh pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) yang lebih rendah, yang merosot 3.8% kepada 680,153 tong sehari pada suku pertama (S1 2006: 707,294 tong sehari). Walau bagaimanapun, pengeluaran **gas asli** meningkat 1.1% kepada 6,040 juta kaki padu standard sehari (S1 2006: 5,974 juta kaki padu standard sehari), disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap penjanaan tenaga di Malaysia dan eksport gas asli cecair yang lebih tinggi ke Jepun dan Korea.

Aktiviti pembinaan yang meningkat...

Aktiviti pembinaan terus bertambah kukuh pada suku pertama sebanyak 4% (S4 2006: 0.6%). Peningkatan ini didorong oleh prestasi yang lebih baik dalam subsektor kejuruteraan awam apabila kesan daripada pelancaran projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan mula meresap ke dalam ekonomi. Ini dirangsang selanjutnya oleh aktiviti dalam subsektor bukan kediaman, yang disokong oleh pembinaan beberapa tempat ruang pejabat baharu dan kompleks membeli belah yang besar terutama di Lembah Klang. Sementara itu, prestasi dalam segmen kediaman terus disokong terutamanya oleh pembinaan harta kediaman mewah. Aktiviti dalam subsektor itu dijangka memperoleh momentum pada bulan-bulan yang akan datang sebagai tindak balas terhadap inisiatif yang baru diperkenalkan oleh Kerajaan, seperti kelonggaran terhadap peraturan pemilikan harta tanah oleh orang asing di negara ini, pengecualian atas cukai untung harta tanah, pewujudan sebuah pusat sehenti bagi mempercepat pembangunan projek perumahan dan insentif yang menarik untuk menggalakkan pelaksanaan kaedah Bina dan Jual dalam pembinaan harta kediaman.

Penunjuk Pembinaan

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permit jualan dan iklan baru	-23.6	-2.7	-17.6	7.7
Kelulusan perumahan	-43.4	-20.0	-23.2	-9.6
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	-6.6	12.8	3.2	2.2
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-33.5	73.2	13.0	91.3
Import bahan pembinaan dan bahan galian	2.6	-8.2	7.8	0.3[1]

[1] Jan-Feb 2007

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan, Malaysia

Permintaan dalam negeri terus berdaya tahan...

Permintaan dalam negeri terus berdaya tahan dan bertambah kukuh selanjutnya pada suku pertama untuk mencatat pertumbuhan tahunan sebanyak 7.6% (S4 2006: 7.1%), didorong oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan sektor swasta dan diperkukuh oleh perbelanjaan sektor awam yang meningkat.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga asas tahun 2000)

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	7.1	7.1	7.0	7.6
Penggunaan	5.6	6.2	6.6	8.3
Sektor swasta	*6.6*	*7.0*	*7.1*	*8.6*
Sektor awam	*1.2*	*4.1*	*5.0*	*7.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	11.4	9.8	7.9	5.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	7.0	5.2	7.4	1.9
Import Barangan dan Perkhidmatan	11.9	5.0	8.6	3.5
KDNK	**6.0**	**5.7**	**5.9**	**5.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan **penggunaan swasta** terus kukuh dan meningkat 8.6% pada suku itu (S4 2006: 7.6%). Trend bagi penunjuk penggunaan utama seperti import barangan penggunaan dan pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan bagi tujuan penggunaan menunjukkan momentum yang mampan bagi perbelanjaan isi rumah. Faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan perbelanjaan pengguna yang mampan ialah kenaikan mantap dalam pendapatan boleh guna, keadaan pasaran pekerja yang stabil dan harga komoditi yang kukuh. Indeks Sentimen Pengguna MIER meningkat dengan kukuh sebanyak 13.2 mata kepada 124.1 mata pada suku pertama (S4 2006: 110.9 mata). Peningkatan tersebut menandakan prospek positif bagi perbelanjaan pengguna dijangka berterusan pada suku-suku akan datang.

Sementara itu, **penggunaan awam** meningkat 7.3% pada suku pertama (S4 2006: 4.1%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen dan juga bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan yang mampan sebanyak 5.4% pada suku pertama tahun 2007 (S4 2006: 9.8%). Kegiatan pelaburan oleh sektor awam terus dikekalkan pada tahap yang tinggi memandangkan Kerajaan Persekutuan terus mencepatkan pembayaran perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan disalurkan terutamanya ke arah peningkatan perkhidmatan asas, termasuk pengangkutan, pembangunan pertanian dan luar bandar serta kemudahan awam. Pada masa yang sama, perbelanjaan modal sektor swasta berterusan seperti ditunjukkan oleh trend penunjuk pelaburan utama seperti pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada

Sentimen Pengguna Meningkat, Sementara Keyakinan Perniagaan Mampan



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

perusahaan perniagaan, terutamanya kepada sektor perkilangan dan pembinaan. Indeks Keadaan Perniagaan MIER juga terus melebihi paras ambang 100 mata pada 105.5 mata, yang menyarankan perkembangan kegiatan pelaburan swasta yang mantap.

Inflasi terus menjadi sederhana pada suku pertama

Kadar inflasi seperti yang diukur oleh perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP), terus menjadi sederhana dan berpurata 2.6% pada suku pertama 2007 (S4 2006: 3%). Kenaikan harga yang lebih perlahan mencerminkan sumbangan yang lebih kecil daripada kategori pengangkutan kepada kadar inflasi, berikutan luputnya kesan kenaikan harga keluaran petroleum runcit pada bulan Mac 2006. Kenaikan harga bagi kategori makanan dan minuman tanpa alkohol tinggi sedikit berbanding dengan suku sebelumnya disebabkan faktor-faktor sementara seperti kekurangan bekalan akibat banjir teruk yang melanda Johor pada awal tahun ini, dan juga kesan faktor bermusim dan perayaan. Persaingan dalam kalangan pengeluar dan penjual dapat mengekalkan penurunan harga bagi kategori pakaian dan kasut dan kategori komunikasi.

Sumbangan kepada Inflasi



Bermula 2006, tahun asas bagi IHP ialah 2005 = 100.

Inflasi harga pengeluar menurun kepada 4.4% pada suku pertama (S4 2006: 5.6%), kerana harga bagi kategori yang tidak berkaitan dengan komoditi meningkat lebih perlahan sebanyak 4.9% (S4 2006: 7%). Sebaliknya, kadar inflasi bagi kategori yang berkaitan dengan komoditi naik 2.9% (S4 2006: 1.7%), mencerminkan kenaikan harga minyak sawit mentah dan getah asli pada suku tersebut.

Keadaan pasaran pekerja terus baik

Keadaan pasaran pekerja pada suku pertama tahun 2007 terus stabil. Prospek pekerjaan yang menggalakkan juga tercermin pada Indeks Pekerjaan MIER yang meningkat sebanyak 17.7 mata kepada 132.5 mata pada suku pertama.

Jumlah kekosongan jawatan pada suku pertama seperti yang dilaporkan melalui Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) kekal tinggi pada 193,188 jawatan (S4 2006: 200,523 jawatan). Kadar peluang pekerjaan yang ketara dilaporkan dalam sektor perkilangan (bahagian sebanyak 35%), perkhidmatan (26%) dan pertanian (21%). Sebahagian besar jawatan yang diiklankan dalam ELX adalah bagi pekerjaan yang memerlukan kemahiran lebih rendah yang lebih sesuai untuk pekerja bukan eksekutif, seperti pekerjaan peringkat asas (59%). Perkembangan ini mungkin disebabkan keperluan Kerajaan supaya majikan mengiklankan kekosongan jawatan dalam ELX jika mereka berhasrat untuk mengambil pekerja pehijrah asing. Namun demikian, usaha Kementerian Sumber Manusia untuk meluaskan penggunaan

Keadaan Pasaran Pekerja



ELX nampaknya berhasil kerana lebih banyak syarikat menggunakan ELX untuk mengiklankan pekerjaan yang memerlukan kemahiran lebih tinggi, yang lebih sesuai untuk siswazah. Bilangan jawatan yang ditawarkan untuk siswazah meningkat 30% kepada 17,764 (9% daripada jumlah jawatan kosong) pada suku pertama daripada 13,682 (7% daripada jumlah jawatan kosong) pada suku sebelumnya. Kebanyakan daripada peluang pekerjaan bagi siswazah adalah dalam sektor perkhidmatan (86%).

Jumlah bilangan pemberhentian pekerja meningkat kepada 4,180 (S4 2006: 2,613 orang). Kira-kira 81% daripada pemberhentian pekerja ini adalah dalam sektor perkilangan, yang membabitkan terutamanya pekerja dalam industri elektronik dan elektrik (64% daripada jumlah pemberhentian pekerja). Pemberhentian pekerja membabitkan terutamanya operator dan pemasang loji dan mesin serta pekerja am di samping pekerja pertukangan dan bidang berkaitan dengan pertukangan (bahagian sebanyak 54%). Alasan utama pemberhentian pekerja yang diberikan oleh kebanyakan syarikat ialah pengurangan dalam permintaan terhadap keluaran mereka.

Pada suku pertama tahun 2007, produktiviti pekerja seperti ditunjukkan oleh nilai jualan benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan merosot 4.6% (S4 2006: -0.5%). Kemerosotan dalam produktiviti pekerja ini mencerminkan pertumbuhan jualan benar yang lebih rendah (-0.1%) dalam keadaan pertumbuhan guna tenaga (4.7%). Sementara itu, upah benar terus merosot (-0.4%) menunjukkan tekanan upah masih lemah.

Imbangan Perdagangan



Eksport dan import meningkat sederhana

Lebihan **akaun perdagangan** menyusut kepada RM21.3 bilion (S4 2006: RM30.2 bilion) pada suku pertama 2007, kerana pertumbuhan import sebanyak 5.4% melebihi pertumbuhan eksport sebanyak 1.1%. **Eksport perkilangan** meningkat meskipun pada kadar yang lebih sederhana, iaitu sebanyak 1.5%, disebabkan terutamanya oleh pengurangan permintaan terhadap keluaran E&E, khususnya eksport komputer dan komponen, ke pasaran Amerika Syarikat. Eksport keluaran elektrik turut terjejas pada suku itu disebabkan pemberhentian pengeluaran secara berperingkat-peringkat beberapa produk bawahan seperti televisyen tiub sinar katod dan radio. Sebahagian daripada kesan ini telah dikurangkan oleh pertumbuhan yang berterusan dalam eksport produk berasaskan sumber seperti keluaran kimia dan getah yang mencatat pertumbuhan dua angka pada suku itu. Eksport barangan pengguna seperti makanan, minuman dan tembakau juga berterusan disebabkan permintaan yang stabil.

Akaun Perdagangan

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**11.5**	**6.6**	**10.3**	**1.1**
Perkilangan	*10.6*	*5.7*	*10.1*	*1.5*
Pertanian	*4.5*	*22.1*	*12.5*	*7.7*
Galian	*23.0*	*0.5*	*8.6*	*-3.6*
Import Kasar	**13.7**	**6.8**	**10.8**	**5.4**
Barangan modal	*27.8*	*4.1*	*7.4*	*-4.7*
Barangan pengantara	*8.2*	*7.1*	*8.8*	*8.8*
Barangan penggunaan	*14.0*	*12.1*	*13.4*	*8.9*
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**25.8**	**30.2**	**108.2**	**21.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport pertanian meningkat 7.7% pada suku pertama, disokong terutamanya oleh peningkatan ketara dalam eksport minyak sawit sebanyak 19.2%. Prestasi kukuh ini disebabkan kenaikan harga eksport komoditi ini sebanyak 34.1% kepada RM1,905 setan. Harga yang lebih tinggi ini mencerminkan permintaan global yang terus meningkat terhadap minyak sawit, terutamanya dari Republik Rakyat China (RR China), Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat, dalam keadaan pengeluaran dan stok yang merosot pada suku tersebut. Kenaikan harga ini selanjutnya disokong oleh kenaikan harga minyak kacang soya ekoran pengeluarannya yang merosot di Amerika Syarikat kerana para petani bertukar kepada penanaman jagung untuk memenuhi permintaan dalam negeri terhadap biobahan api. Sementara itu, eksport getah merosot 12.9% pada suku itu (S4 2006: 12.7%)

Malaysia: Destinasi Eksport

	2006			2007	2006			2007	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion				Bahagian drpd. jumlah eksport (%)				Perubahan tahunan (%)			
Amerika Syarikat	**24.5**	**27.8**	**110.6**	**23.7**	**17.9**	**18.3**	**18.8**	**17.2**	**13.4**	**1.0**	**5.3**	**-3.2**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**16.1**	**21.1**	**74.9**	**17.7**	**11.8**	**13.9**	**12.7**	**12.8**	**10.0**	**20.5**	**19.7**	**9.7**
Negara ASEAN terpilih[2]	**37.4**	**37.5**	**152.5**	**35.7**	**27.3**	**24.7**	**25.9**	**25.8**	**14.7**	**2.2**	**10.7**	**-4.5**
Negara Timur Laut Asia	**25.2**	**28.2**	**109.1**	**27.8**	**18.4**	**18.5**	**18.5**	**20.1**	**7.3**	**4.4**	**10.0**	**10.2**
Republik Rakyat China	*8.3*	*11.7*	*42.7*	*11.2*	*6.1*	*7.7*	*7.2*	*8.1*	*4.4*	*11.9*	*21.1*	*34.6*
Hong Kong SAR	*7.5*	*6.8*	*29.1*	*6.3*	*5.5*	*4.5*	*4.9*	*4.6*	*6.2*	*-12.6*	*-6.6*	*-15.6*
China Taipei	*3.3*	*4.1*	*16.0*	*3.8*	*2.4*	*2.7*	*2.7*	*2.7*	*7.2*	*2.8*	*8.3*	*15.4*
Korea	*6.1*	*5.5*	*21.3*	*6.5*	*4.5*	*3.6*	*3.6*	*4.7*	*12.9*	*17.4*	*18.6*	*5.9*
India	**4.0**	**5.4**	**18.8**	**4.2**	**2.9**	**3.6**	**3.2**	**3.1**	**8.3**	**30.1**	**25.5**	**7.1**
Jumlah eksport	**136.7**	**152.0**	**588.9**	**138.2**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**11.5**	**6.6**	**10.3**	**1.1**

[1] Merujuk kepada Kesatuan Eropah (EU) 27 bermula dari tahun 2007
[2] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

disebabkan penyusutan dalam jumlah dieksport dan harga masing-masing sebanyak 12.3% dan 0.7%.

Perolehan eksport galian merosot pada suku pertama kerana eksport minyak mentah menurun akibat kejatuhan harga (-6% kepada USD61.18 setong; S1 2006: USD65.24 setong). Eksport gas asli cecair pula terus berkembang berikutan permintaan yang lebih tinggi daripada pembeli tradisional.

Eksport Malaysia ke negara-negara serantau (tidak termasuk Jepun), yang mencakupi 45.9% daripada jumlah eksport Malaysia, meningkat 1.4%. Destinasi eksport adalah terutamanya RR China, Korea dan Indonesia, didorong oleh permintaan terhadap keluaran E&E dan kimia dan keluaran kimia. Eksport ke EU berkembang 9.7%, diterajui eksport ke United Kingdom, Jerman, Belanda, Perancis dan Itali, yang kebanyakannya terdiri daripada keluaran E&E, getah mentah dan keluaran getah, minyak sawit serta keluaran kayu. Eksport ke Asia Barat dan India pula masing-masing meningkat 22.3% dan 7.1%.

Bagi import pula, Malaysia terus memperoleh komponen yang diimport dari Singapura, Hong Kong, Korea dan RR China. Import dari negara-negara serantau meningkat 9.6%, mencerminkan import keluaran E&E, kimia dan keluaran kimia, keluaran besi dan keluli serta keluaran logam.

Import kasar meningkat 5.4% (S4 2006: 6.8%), mencerminkan peningkatan input yang diimport untuk eksport perkilangan serta pertambahan import barangan penggunaan. Import **barangan pengantara** meningkat 8.8% (S4 2006: 7.1%), didorong oleh import logam dan keluaran logam, kimia, elektronik serta alat ganti produk telekomunikasi. Selain itu, import bahan asas dan bahan diproses yang digunakan oleh industri bahan api dan pelincir terus meningkat dengan kukuh. Permintaan dalam negeri yang lebih rendah terhadap kenderaan bermotor menyebabkan kemerosotan dalam import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan.

Pertumbuhan Import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
BARANGAN MODAL	**27.8**	**4.1**	**7.4**	**-4.7**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	16.1	4.6	5.4	-4.1
Alat kelengkapan pengangkutan	173.3	-0.1	23.5	-7.4
BARANGAN PENGANTARA	**8.2**	**7.1**	**8.8**	**8.8**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	29.0	18.2	24.9	4.1
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	1.2	19.2	11.1	23.9
Bahan api dan pelincir	21.1	-0.5	25.7	8.8
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	9.2	3.3	5.1	2.5
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	8.8	-22.5	-8.7	-18.2
BARANGAN PENGGUNAAN	**14.0**	**12.1**	**13.4**	**8.9**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	3.4	5.7	4.8	14.8
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	23.6	45.7	9.4	-11.7
Barangan pengguna, t.s.t.l.	20.9	15.1	18.8	5.9
Barangan tahan lama	*31.3*	*13.7*	*9.8*	*1.1*
Barangan separa tahan lama	*27.4*	*24.5*	*34.6*	*7.1*
Barangan tidak tahan lama	*11.6*	*9.3*	*12.6*	*7.8*
BARANGAN DUA GUNA	**23.2**	**-5.7**	**7.8**	**-8.1**
LAIN-LAIN	**12.0**	**-3.4**	**-2.7**	**15.7**
IMPORT TERTANGGUH	**11.6**	**6.4**	**8.7**	**6.4**
EKSPORT SEMULA	**52.7**	**12.5**	**50.6**	**-7.3**
IMPORT KASAR	**13.7**	**6.8**	**10.8**	**5.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import **barangan modal** berjumlah RM15 bilion. Pengembangan kapasiti dalam suasana harga pertanian yang tinggi menggalakkan pengimportan jentera dan peralatan pertanian pada suku pertama. Kegiatan pembangunan yang meningkat dan penaikan taraf untuk mencapai kecekapan penggunaan bahan api telah menyebabkan pertumbuhan yang lebih tinggi bagi import penjana, turbin dan jentera dalam sektor perkhidmatan dan juga sektor minyak dan gas. Sementara itu, import kelengkapan telekomunikasi terus kukuh sejajar dengan pengembangan kapasiti dan kegiatan penaikan taraf yang berterusan oleh industri telekomunikasi.

Sejajar dengan penggunaan swasta yang kukuh, import **barangan penggunaan** naik 8.9%. Import barangan penggunaan disokong terutamanya oleh import yang lebih tinggi bagi makanan asas dan diproses serta minuman untuk kegunaan isi rumah. Import barangan elektrik, perabot, kamera, barang kemas dan ubat-ubatan bagi kegunaan isi rumah juga meningkat pada suku itu.

Aliran masuk pelaburan portfolio meningkat

Pada asas tunai[1], aliran masuk **pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI)** kasar berjumlah RM7.3 bilion pada suku pertama 2007, mencerminkan aliran masuk modal ekuiti dan juga penggunaan pinjaman antara syarikat daripada syarikat induk di luar negeri. FDI dalam bentuk modal ekuiti kebanyakannya adalah dalam sektor perkilangan, diikuti sektor perkhidmatan dan sektor minyak dan gas. Dalam sektor perkilangan, FDI disalurkan terutamanya kepada industri keluaran berkaitan petroleum dan industri berkaitan kimia, serta industri kertas dan keluaran kertas berikutan pemerolehan sebuah syarikat Malaysia. Sementara itu, FDI dalam sektor perkhidmatan disalurkan terutamanya kepada sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta subsektor restoran, hotel, dan perdagangan borong dan runcit. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih berjumlah RM0.9 bilion.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar kasar sebanyak RM24.8 bilion, sebahagian besarnya mencerminkan pinjaman jangka pendek yang diberikan syarikat milik bukan pemastautin dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan kepada syarikat berkaitan mereka di luar negeri ekoran operasi perbendaharaan berpusat. Aliran keluar ini diimbangi sebahagian besarnya oleh aliran masuk yang berpunca daripada pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat pada suku itu. Selepas membuat pelarasan terutamanya bagi aliran masuk ini, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar, iaitu RM3.8 bilion (S4 2006: -RM1.6 bilion). Pelaburan luar negeri dalam bentuk modal ekuiti dibuat terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Bagi sektor perkilangan, pelaburan luar negeri disalurkan terutamanya kepada industri pemprosesan makanan dan automotif. Sementara itu, pelaburan luar negeri oleh sektor perkhidmatan diterajui oleh syarikat dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM26.9 bilion pada suku pertama 2007. Aliran masuk dana portfolio mencerminkan terutamanya penyertaan asing yang ketara dalam pasaran ekuiti domestik, disokong oleh sentimen pelabur yang terus positif disebabkan asas-asas ekonomi yang lebih teguh serta jangkaan perolehan syarikat yang lebih tinggi. Pengumuman untuk melonggarkan lagi peraturan pentadbiran pertukaran asing, memansuhkan cukai untung harta

[1] Data FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport.

tanah selain insentif khas untuk menggalakkan pelaburan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar juga menyumbang kepada sentimen pelabur yang positif.

Kedudukan hutang luar negeri terus bertambah baik

Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun selanjutnya kepada RM178 bilion atau USD51 bilion pada akhir bulan Mac 2007 (akhir tahun 2006: RM183.1 bilion atau USD51.4 bilion), iaitu bersamaan dengan 31.3% daripada KNK. Kedudukan hutang luar negeri yang bertambah baik ini disebabkan penurunan hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang serta jangka pendek. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** yang lebih rendah (RM139 bilion; akhir tahun 2006: RM141.4 bilion) terutamanya mencerminkan keuntungan daripada penilaian semula kadar pertukaran berikutan tambah nilai ringgit berbanding dengan mata wang asing utama, khususnya dolar Amerika Syarikat. Sektor awam terus mencatat pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri pada suku pertama, mencerminkan peminjaman kasar dan pembayaran balik oleh Kerajaan Persekutuan dan Perbadanan Awam Bukan Kewangan (PABK) yang lebih rendah. Pembayaran balik bersih oleh PABK dibuat terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor minyak dan gas serta pengangkutan. Sementara itu, sektor swasta mencatat penggunaan pinjaman luar negeri bersih yang lebih kecil sebanyak RM1.3 bilion, terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor pertanian, perdagangan borong dan runcit, dan pengangkutan.

Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

Jumlah hutang luar negeri jangka pendek menyusut kepada RM38.9 bilion atau USD11.2 bilion (akhir tahun 2006: RM41.8 bilion atau USD11.7 bilion), mencerminkan pinjaman jangka pendek sektor perbankan dan sektor bukan bank yang lebih kecil. Pada akhir bulan Mac 2007, hutang jangka pendek mencakupi hanya 21.9% daripada jumlah hutang luar negeri dan ialah 12.7% daripada rizab antarabangsa bersih.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2006		2007
	S1	S4	S1[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	150.5	141.4	139.0
Sektor awam	86.9	75.7	73.5
Sektor swasta	63.7	65.7	65.5
Hutang jangka pendek[1]	44.9	41.8	38.9
Jumlah hutang luar negeri	195.4	183.1	178.0
- Bersamaan USD bilion	52.5	51.4	51.0

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM305.9 bilion atau bersamaan dengan USD88.6 bilion pada 30 Mac 2007. Paras rizab pada 30 Mac 2007 mengambil kira pengurangan nilai rizab disebabkan pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikut pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang asing utama pada suku pertama. Rizab meningkat kepada RM326.5 bilion atau bersamaan dengan USD94.5 bilion pada 15 Mei 2007. Paras rizab ini memadai untuk membiayai import tertahan selama 8.6 bulan dan ialah 9.6 kali ganda hutang luar negeri jangka pendek.

Operasi belanjawan memberi kesan pengembangan

Pada suku pertama 2007, jumlah perbelanjaan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 38.7%. Perbelanjaan pembangunan meningkat pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan suku pertama 2006, mencerminkan peningkatan dalam momentum pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan pungutan hasil yang stabil pada suku itu, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mencatat defisit sebanyak RM2.6 bilion atau 1.8% daripada KDNK pada suku itu (S1 2006: lebihan fiskal sebanyak 3.6% daripada KDNK). Defisit tersebut dibiayai terutamanya oleh peminjaman domestik. Pada akhir bulan Mac 2007, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah RM250 bilion atau 42.4% daripada anggaran KDNK 2007.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	24.2	34.4	123.5	24.2
% pertumbuhan	*14.5*	*6.9*	*16.2*	*0.1*
Perbelanjaan mengurus	17.3	40.0	107.7	21.7
% pertumbuhan	*8.9*	*12.8*	*10.2*	*25.2*
Akaun semasa	**6.9**	**-5.6**	**15.9**	**2.5**
% daripada KDNK	***5.1***	***-3.8***	***2.8***	***1.8***
Perbelanjaan pembangunan kasar	2.1	19.4	35.8	5.3
% pertumbuhan	*-23.0*	*11.0*	*17.3*	*148.4*
Imbangan keseluruhan	**4.9**	**-24.6**	**-19.1**	**-2.6**
% daripada KDNK	***3.6***	***-16.6***	***-3.3***	***-1.8***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan kasar	19.5	59.4	143.5	27.0
% pertumbuhan	*4.2*	*12.2*	*11.9*	*38.7*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	232.2	242.2	242.2	250.0
% daripada KDNK	*40.6*	*42.3*	*42.3*	*42.4*[1]
Hutang dalam negeri	203.3	217.2	217.2	225.9
% daripada KDNK	*35.5*	*37.9*	*37.9*	*38.3*[1]
Hutang luar neger	28.9	25.0	25.0	24.1
% daripada KDNK	*5.1*	*4.4*	*4.4*	*4.1*[1]

[a] Awalan
[1] KDNK pada harga tahun asas 1987

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar pinjaman terus stabil manakala kadar FD benar bagi semua tempoh matang meningkat

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.50% sepanjang suku pertama 2007 kerana kadar dasar ini adalah selaras dengan prospek jangka sederhana inflasi yang secara relatif rendah dan stabil, dan pertumbuhan ekonomi pada kadar yang mampan.

Memandangkan OPR tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata kekal stabil, iaitu bergerak dalam julat yang sangat kecil, antara 3.48% hingga 3.51% dalam tempoh 1 Januari – 25 April. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain secara relatif juga kekal stabil.

Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan terus tidak berubah pada 6.72%. Walau bagaimanapun, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun sedikit kepada 6.54% pada akhir bulan Mac, daripada 6.57% pada akhir tahun 2006. Kadar disebut purata bagi deposit tetap (FD) bank perdagangan bagi tempoh matang 1 bulan dan 12 bulan adalah dalam julat 3.10% hingga 3.71% pada akhir suku pertama (S4 2006: 3.11% hingga 3.73%). Yang penting, kadar FD benar bagi kesemua tempoh matang meningkat dengan ketara pada bulan Mac berikutan penurunan kadar inflasi.

Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Kadar Faedah

	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	Pada akhir tempoh (%)			
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.25	3.50	3.50	3.50
Kadar antara bank				
Semalaman	3.25	3.50	3.50	3.50
1 bulan	3.25	3.58	3.58	3.55
Kadar pinjaman asas (BLR)				
Bank perdagangan	6.47	6.72	6.72	6.72
Kadar pinjaman purata (ALR)				
Bank perdagangan	6.29	6.57	6.57	6.54
Kadar deposit tetap				
Bank perdagangan				
3 bulan	3.06	3.19	3.19	3.18
12 bulan	3.70	3.73	3.73	3.71

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan
(Purata bagi tempoh)



Pertumbuhan wang secara luas berterusan

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu 17.9% pada akhir suku pertama 2007 (S4 2006: 13.8%), mencerminkan terutamanya peningkatan deposit permintaan perusahaan perniagaan, dan sebahagian kecilnya peningkatan jumlah mata wang yang dipegang sektor swasta.

Wang secara luas atau M3 meningkat 14.2% pada akhir suku pertama 2007 (S4 2006: 13%). Pada suku itu, pertambahan M3 didorong terutamanya oleh peningkatan aset asing bersih berikutan aliran masuk yang lebih tinggi dalam bentuk perolehan eksport, pelaburan langsung asing bersih dan pelaburan portfolio. Tuntutan terhadap sektor swasta meningkat disebabkan pertambahan pinjaman terkumpul. Walau bagaimanapun, ini diimbangi sebahagiannya oleh pemegangan sekuriti hutang swasta oleh institusi perbankan yang lebih rendah. Berbeza dengan perbelanjaan bermusim yang tinggi pada akhir tahun, tuntutan bersih terhadap Kerajaan memberi kesan pengembangan yang lebih sederhana atas M3 pada suku pertama kerana pengambilan deposit Kerajaan dengan Bank Negara Malaysia secara relatif adalah lebih kecil.

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia
(Pada suku tahunan, RM juta)



Agregat Monetari



Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**18.0**	**44.0**	**87.5**	**28.9**
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	2.8	19.9	8.3	1.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	5.6	7.9	34.7	5.2
Pinjaman	*7.5*	*8.2*	*36.8*	*8.1*
Sekuriti	*-1.9*	*-0.3*	*-2.1*	*-2.9*
Operasi luar bersih[1]	13.9	22.7	59.8	37.3
BNM	*10.8*	*5.2*	*32.2*	*19.9*
Sistem perbankan	*3.1*	*17.4*	*27.6*	*17.5*
Pengaruh lain	-4.3	-6.4	-15.3	-14.7

[1] Sebelum penilaian semula

Penunjuk pinjaman utama lebih tinggi pada suku pertama

Pada suku pertama 2007, pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM135.1 bilion (S4 2006: RM135.4 bilion). Secara relatif, pembiayaan kasar adalah stabil berbanding dengan suku sebelumnya ekoran pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dan terbitan PDS yang rendah sedikit. Namun demikian, pembiayaan bersih terus meningkat berikutan pembiayaan kasar melalui pinjaman dan PDS melebihi pembayaran balik dan penebusan. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang stabil, iaitu sebanyak 6.1% pada akhir bulan Mac (akhir tahun 2006: 6.2%).

Penunjuk pinjaman utama adalah lebih tinggi pada asas tahunan. Permohonan dan kelulusan pinjaman lebih tinggi dengan ketara, didorong oleh permintaan sektor perniagaan yang meningkat. Sektor perkilangan mencatat permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi. Dalam sektor isi rumah, penunjuk pinjaman mencatat peningkatan pada asas tahunan, khususnya dari segi pinjaman untuk membeli harta kediaman.

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2006	S1 06	S4 06	S1 07[a]	2006	S4 06	S1 07[a]
Jumlah pembiayaan kasar	**547.3**	**135.9**	**135.4**	**135.1**	**-3.2**	**-9.9**	**-0.6**
Pengeluaran pinjaman*	514.7	128.7	126.7	129.2	-2.6	-7.9	0.4
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	30.7	6.9	8.1	5.1	-0.1	-31.0	-25.5
Ekuiti	1.9	0.4	0.6	0.8	-69.7	-39.4	108.5
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**45.4**	**11.1**	**6.3**	**11.0**	**6.2**	**6.2**	**6.1**
Sistem perbankan	46.7	9.9	9.5	9.4	7.9	7.9	7.7
Pinjaman terkumpul (A)	*34.9*	*8.2*	*4.0*	*8.6*	*6.3*	*6.3*	*6.2*
Pegangan PDS	*11.8*	*1.6*	*5.5*	*0.8*	*33.4*	*33.4*	*29.8*
PDS terkumpul (B)	10.5	2.9	2.3	2.4	6.0	6.0	5.6
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	38.2	10.6	8.3	7.6	1.8	-45.3	-28.3

[a] Awalan
* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan %			
	2006	S1 06	S4 06	S1 07[a]	2006	S1 06	S4 06	S1 07[a]
Jumlah								
Permohonan pinjaman[n]	300.6	69.8	76.8	83.5	-1.6	1.9	6.5	19.6
Kelulusan pinjaman[n]	190.7	45.3	49.7	53.1	-0.8	6.2	4.2	17.2
Pengeluaran pinjaman[n]	514.7	128.7	126.7	129.2	-2.6	1.7	-7.9	0.4
Bayaran balik pinjaman[n]	480.3	119.4	121.8	118.0	-1.7	1.2	-5.2	-1.1
Perubahan pinjaman terkumpul*	34.9	8.2	4.0	8.6	6.3	8.4	6.3	6.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman[n]	158.8	36.2	40.9	44.4	3.8	3.1	16.7	22.7
Kelulusan pinjaman[n]	96.6	22.0	28.0	29.7	9.4	14.4	23.3	35.2
Pengeluaran pinjaman[n]	362.5	91.4	89.5	90.0	-3.3	0.9	-8.3	-1.6
Bayaran balik pinjaman[n]	347.5	87.0	87.9	81.3	-5.3	-1.4	-9.3	-6.6
Perubahan pinjaman terkumpul*	9.4	-0.7	1.1	4.0	4.2	2.7	4.2	6.3
PKS**								
Permohonan pinjaman[n]	67.0	10.9	19.4	19.9	t.b.	t.b.	t.b.	t.b.
Kelulusan pinjaman[n]	39.5	7.9	11.8	10.6	t.b.	t.b.	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman[n]	132.6	29.8	32.9	32.7	t.b.	t.b.	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul*	6.5	6.3	-1.0	2.8	t.b.	t.b.	t.b.	t.b.
Syarikat besar**								
Permohonan pinjaman[n]	91.8	25.3	21.5	24.5	t.b.	t.b.	t.b.	t.b.
Kelulusan pinjaman[n]	57.1	14.1	16.3	19.2	t.b.	t.b.	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman[n]	229.9	61.7	56.7	57.3	t.b.	t.b.	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul*	2.9	-7.0	2.1	1.2	t.b.	t.b.	t.b.	t.b.
Isi rumah								
Permohonan pinjaman[n]	141.8	33.5	35.9	39.0	-6.9	0.7	-3.2	16.3
Kelulusan pinjaman[n]	94.1	23.3	21.6	23.3	-9.4	-0.6	-13.2	0.1
Pengeluaran pinjaman[n]	152.2	37.2	37.1	39.2	-0.9	3.6	-6.9	5.3
Bayaran balik pinjaman[n]	132.8	32.3	33.9	36.7	9.3	8.9	7.4	13.5
Perubahan pinjaman terkumpul*	28.7	8.3	5.8	3.8	9.4	14.5	9.4	7.8

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
** Berikutan penambahbaikan terhadap Sistem Statistik Institusi Kewangan (FISS) pada April 2006, dan bagi mengekalkan kebolehbandingan pada asas tahunan bagi permohonan, kelulusan, pengeluaran dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluas dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil daripada jumlah pinjaman berbanding dengan pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Trend kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut
*** Mulai S1 2006, penunjuk pinjaman bagi PKS dan syarikat besar tidak dapat dibandingkan pada asas tahunan kerana terdapat beberapa pengelasan semula antara PKS dengan syarikat besar, berikutan penerimapakaian Definisi Standard PKS oleh institusi kewangan mulai bulan Mac 2006 seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan
[a] Awalan. Data tertakluk pada semakan, berikutan perubahan dalam pengelasan penunjuk pinjaman mengikut sektor dan tujuan ekonomi
t.b. Tidak berkenaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah pinjaman terkumpul berkembang 6.2% pada asas tahunan pada akhir suku pertama 2007 (akhir S4 2006: 6.3%). Pinjaman terkumpul sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing meningkat pada kadar tahunan 6.3% dan 7.8% (akhir S4 2006: masing-masing 4.2% dan 9.4%).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



* Mulai S1 2006, penunjuk pinjaman bagi PKS dan syarikat besar tidak dapat dibandingkan pada asas tahunan kerana terdapat beberapa pengelasan semula antara PKS dengan syarikat besar, berikutan penerimapakaian Definisi Standard PKS oleh institusi kewangan mulai bulan Mac 2006 seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2006	S4 06	S1 06	S1 07**		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	362.5	91.4	89.5	90.0	69.7	39.7
*Syarikat besar**	*229.9*	*61.7*	*56.7*	*57.3*	*44.4*	*22.2*
*PKS**	*132.6*	*29.8*	*32.9*	*32.7*	*25.3*	*17.5*
Isi rumah	152.2	37.2	37.1	39.2	30.3	56.0
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.3	3.0	3.3	3.1	2.4	2.2
Perlombongan dan kuari	2.0	0.6	0.3	0.3	0.3	0.2
Perkilangan	119.6	29.2	30.4	32.5	25.1	11.4
Pembinaan	30.7	7.4	7.9	7.6	5.9	5.2
Harta tanah	10.2	2.7	2.0	2.4	1.9	2.9
Bekalan elektrik, gas dan air	2.8	1.8	0.4	0.3	0.2	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	89.9	22.8	21.2	20.5	15.9	8.7
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	10.4	2.6	2.8	2.5	2.0	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	40.5	9.5	9.6	10.3	8.0	6.1
Kredit penggunaan	100.3	24.5	24.7	25.4	19.7	23.8
Antaranya:						
Kad kredit	*49.1*	*11.3*	*13.6*	*13.8*	*10.7*	*3.3*
Pembelian kereta penumpang	*32.3*	*8.2*	*6.8*	*7.2*	*5.6*	*16.5*
Jumlah	**514.7**	**128.7**	**126.7**	**129.2**	**100.0**	**100.0**

* Mulai S1 2006, penunjuk pinjaman bagi PKS dan syarikat besar tidak dapat dibandingkan pada asas tahunan kerana terdapat beberapa pengelasan semula antara PKS dengan syarikat besar, berikutan penerimapakaian Definisi Standard PKS oleh institusi kewangan mulai bulan Mac 2006 seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan
** Berasaskan sistem pelaporan FISS baharu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kegiatan pembiayaan lebih tinggi dalam pasaran modal

Dana yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat dengan ketara pada suku pertama. Jumlah dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta adalah sebanyak RM9.4 bilion (S4 2006: RM7.5 bilion).

Dana kasar yang diperoleh sektor awam melalui empat terbitan sekuriti Kerajaan berjumlah RM13.6 bilion. Ini termasuk terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) Boleh Panggil 10 tahun, pembukaan semula MGS 5 tahun dan satu terbitan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII). Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam meningkat sedikit kepada RM7.4 bilion berbanding dengan suku sebelumnya(S4 2006: RM7.3 bilion).

Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh daripada pasaran PDS yang berjumlah RM7.6 bilion, adalah lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya (RM8.3 bilion). Jumlah dana kasar yang diperoleh, tidak termasuk Cagamas, ialah sebanyak RM6.2 bilion (S4 2006: RM8.1 bilion). Sejumlah besar daripada dana ini diperoleh melalui terbitan nota jangka sederhana yang mencakupi 84% daripada jumlah PDS yang diterbitkan pada suku itu. Jumlah ini termasuk satu terbitan oleh sebuah bank pembangunan pelbagai hala berjumlah RM500 juta. Meskipun dana kasar yang diperoleh lebih rendah, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS lebih

tinggi dengan ketara, iaitu RM1.2 bilion (S4 2006: penebusan bersih sebanyak RM451 juta) kerana penebusan pada suku tahun itu lebih rendah.

Dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti pada suku pertama meningkat kepada RM795 juta (S4 2006: RM632 juta). Kebanyakan dana ini diperoleh melalui 12 tawaran awam awal (initial public offering, IPO) berjumlah kira-kira RM572 juta. Buat pertama kalinya, satu Amanah Pelaburan Harta Tanah (Real Estate Investment Trust, REIT) perladangan Islam diperkenalkan kepada pasaran pada bulan Januari. Pada suku itu, enam penyenaraian baru dibuat di Bursa Malaysia: tiga di Papan Utama, dua di Papan Kedua dan satu di Pasaran MESDAQ.

Urus niaga sekunder lebih giat dalam pasaran bon

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM120.2 bilion pada suku pertama 2007 (S4 2006: RM105.1 bilion). MGS dan GII terus mencakupi sebahagian besar daripada jumlah urus niaga (73% daripada jumlah urus niaga), diikuti PDS (26%). Dari segi kecairan, GII merupakan sekuriti paling cair, dengan nisbah kecairan 1.09, diikuti MGS.

Pada suku itu, keluk kadar hasil tanda aras MGS beranjak turun sebanyak 12 hingga 27 mata asas bagi kesemua tempoh matang. Penurunan ini menyebabkan keluk kadar hasil menjadi mendatar dengan nyata sejak bulan Disember 2006. Susulan permintaan yang tinggi berikutan

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2005	2006			2007
	Tahun	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta				
Oleh Sektor Awam					
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	28,276	5,265	6,500	26,830	10,109
Tolak Penebusan	15,800	500	2,850	12,850	4,800
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	12,476	4,765	3,650	13,980	5,309
Khazanah Bon, *bersih*	833	(1,700)	1,070	(630)	(1,020)
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	1,000	-	3,000	9,500	3,500
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	1,516	(500)	(433)	(1,931)	(358)
Dana Bersih yang Diperoleh	15,825	2,564	7,287	20,919	7,431
Oleh Sektor Swasta					
Saham	6,315	381	632	1,916	795
Sekuriti Hutang	38,196	10,574	8,297	38,887	7,582
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	35,656	6,889	8,097	31,737	6,232
Cagamas	2,540	3,685	200	7,150	1,350
Tolak Penebusan	18,617	5,498	8,747	31,519	6,390
Terbitan bersih	19,579	5,076	(451)	7,368	1,192
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	22,224	2,993	2,409	11,120	2,547
Dana bersih yang Diperoleh	25,894	5,457	182	9,284	1,987
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	41,719	8,022	7,469	30,203	9,418
Kertas dan Nota jangka pendek, *bersih*[1]	1,579	1,312	653	2,563	599
Jumlah	43,297	9,334	8,122	32,766	10,017

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Trend Kadar Hasil MGS



aliran masuk yang berterusan, kadar hasil MGS bagi kematangan sehingga 9 tahun menurun di bawah paras OPR 3.50% buat kali pertama sejak OPR diperkenalkan pada bulan April 2004. Berikutan itu, spread kadar hasil bagi MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menurun sebanyak 19, 24 dan 27 mata asas berbanding dengan suku sebelumnya.

KLCI terus bertambah kukuh

Pada suku pertama 2007, KLCI bermula dengan trend meningkat berikutan sentimen pasaran yang bertambah baik. Momentum pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertambah pesat, aktiviti penggabungan dan pemerolehan serta perolehan syarikat yang terus kukuh telah mempengaruhi KLCI secara positif. Berikutan perkembangan dalam pasaran ekuiti global, KLCI mengalami pembetulan yang ketara pada

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Pertama 2007



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2006						2007	
	S1		S4		Tahun		S1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	45,988	53,671	57,015	78,257	197,819	250,331	118,982	156,614
Antaranya:								
Papan Utama	26,565	42,744	36,338	66,458	121,666	204,801	87,148	137,851
Antaranya:								
Produk Pengguna	1,808	4,834	977	2,665	4,765	13,945	1,796	4,695
Produk Industri	3,147	3,133	4,474	5,395	16,232	17,747	8,771	11,725
Pembinaan	3,048	3,120	2,787	5,262	11,107	15,807	7,469	16,864
Dagangan/Khidmat	6,191	14,985	10,465	26,467	31,469	76,299	20,181	44,458
Kewangan	2,711	9,046	3,689	12,719	12,092	38,618	8,846	28,428
Harta benda	4,106	2,040	5,742	3,681	21,022	10,981	16,381	11,369
Perladangan	518	2,708	1,004	5,516	3,384	17,190	1,341	8,318
Perlombongan	0	1	33	68	34	87	32	43
Papan Kedua	5,837	4,532	5,432	4,023	21,914	16,617	8,527	4,955
Mesdaq	13,438	6,288	10,735	4,981	48,712	25,559	17,050	8,386

Sumber: Bursa Malaysia

tempoh 27 Februari hingga 5 Mac. Akibatnya KLCI merosot 12.8%. Walau bagaimanapun, KLCI kemudiannya bangkit kembali, disokong oleh minat baru pelabur berikutan pengumuman pelonggaran dasar pentadbiran pertukaran asing dan pemansuhan cukai untung harta tanah.

KLCI mengakhiri suku pertama pada 1,246.87 mata (S4 2006: 1,096.24 mata). Permodalan pasaran adalah lebih tinggi pada RM985.1 bilion (S4 2006: RM848.7 bilion). Aktiviti urus niaga meningkat dengan urus niaga suku tahunan purata pada 1,983 juta unit (S4 2006: 934.68 juta unit).

Pada 29 Mei 2007, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,343 mata (+22.5% sejak akhir tahun 2006), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1,067.3 bilion (+25.8% sejak akhir tahun 2006).

Perkembangan Kadar Pertukaran

Pada suku pertama 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dalam suasana aliran masuk bersih perdagangan dan pelaburan. Penambahan nilai ringgit pada umumnya adalah selaras dengan rakan perdagangan serantau. Pada suku pertama, dolar Amerika Syarikat menyusut ekoran penyiaran data ekonomi yang lemah dan jangkaan terhadap kemungkinan penurunan kadar dasar Amerika Syarikat. Nilai yen Jepun menyusut berikutan jangkaan pasaran bahawa kadar dasar di Jepun akan kekal tidak berubah dalam masa terdekat.

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir			
	2006			2007
	S1	S4	Tahun	S1
Indeks Harga				
Komposit	926.6	1,096.2	1,096.2	1,246.9
FBM30[1]	6,000.0	7,059.9	7,059.9	7,924.6
FBMEMAS[2]	6,000.0	7,169.6	7,169.6	8,332.8
Papan Kedua	91.1	92.0	92.0	99.3
Mesdaq	111.2	119.9	119.9	138.5
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	779.5	934.7	802.9	1,983.0
Nilai (RM juta)	909.7	1,282.9	1,018.9	2,610.2
Permodalan pasaran (RM bilion)	732.9	848.7	848.7	985.1
Bilangan syarikat yang disenaraikan	1,025	1,027	1,027	1,023

[1] FBM30 mewakili FTSE Bursa Malaysia 30 Indeks
[2] FBMEMAS mewakili FTSE Bursa Malaysia Emas Indeks

Sumber: Bursa Malaysia

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Pertukaran (1 Januari - 30 Mac 2007)



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Ringgit menambah nilai dalam julat 0.5% - 3.6% berbanding dengan mata wang serantau, namun menyusut sedikit (0.7%) berbanding dengan baht Thailand.

Pada tempoh 1 – 28 Mei 2007, ringgit terus menambah nilai berbanding dengan mata wang utama. Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Singapura (2.7%), won Korea (0.9%), renminbi China (0.9%), dan baht Thailand (0.9%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (2.9%) dan rupiah Indonesia (2.7%).

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 06	S4 06	S1 07	21 Jul 05	S1 06	S4 06
Dolar AS	3.8000	3.6860	3.5315	3.4560	10.0	6.7	2.2
Euro	4.6212	4.4829	4.6460	4.6105	0.2	-2.8	0.8
Paun sterling	6.6270	6.4337	6.9315	6.7867	-2.4	-5.2	2.1
100 yen Jepun	3.3745	3.1397	2.9675	2.9339	15.0	7.0	1.1
Dolar Singapura	2.2570	2.2778	2.3028	2.2781	-0.9	0.0	1.1
100 baht Thai	9.0681	9.4914	9.8111	9.8785	-8.2	-3.9	-0.7
100 peso Filipina	6.8131	7.2077	7.2027	7.1649	-4.9	0.6	0.5
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0407	0.0393	0.0379	1.9	7.3	3.6
100 won Korea	0.3665	0.3781	0.3797	0.3674	-0.3	2.9	3.3
Renminbi China	0.4591	0.4599	0.4523	0.4471	2.7	2.9	1.2

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN

Sistem perbankan terus menunjukkan daya tahan yang teguh pada suku pertama 2007, sebagaimana dibuktikan oleh paras permodalan yang tinggi dan keberuntungan yang meningkat. Kegiatan pemberian pinjaman sistem perbankan terus berkembang dalam suasana peningkatan selanjutnya dalam kualiti pinjaman.

Permodalan institusi perbankan terus kukuh

Permodalan sistem perbankan terus kukuh sepanjang suku pertama meskipun kegiatan pemberian pinjaman meningkat. Asas modal bertambah kukuh, iaitu sebanyak 1.5% berikutan kemasukan tiga bank pelaburan yang baharu dalam pengiraan permodalan sistem perbankan. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 13.1% dan 10.5% pada akhir bulan Mac 2007.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2006				2007
	S1	S2	S3	S4	S1
Modal					
CCR (%)	10.0	10.0	10.5	10.7	10.5
RWCR (%)	13.1	12.8	13.3	13.5	13.1

Keberuntungan meningkat ekoran pendapatan yang lebih tinggi

Keuntungan sebelum cukai mencatat peningkatan sebanyak 17.8% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2006, berjumlah RM3.7 bilion (S1 2006: RM3.2 bilion dan S4 2006: RM4.3 bilion). Prestasi yang memberangsangkan ini berpunca terutamanya daripada pendapatan yang lebih tinggi yang diperoleh daripada kegiatan berkaitan dengan faedah (+RM0.8 bilion atau +13.9%) dan kegiatan berasaskan fi (+0.5 bilion atau +38.3%) serta operasi perbendaharaan (+RM1 bilion atau +114.2%). Pulangan atas aset dan ekuiti purata masing-masing tidak berubah pada 1.3% dan 16.9% (S1 2006: masing-masing 1.3% dan 17%).

Trend menurun NPL berterusan

Kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik pada suku pertama. Jumlah pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan mencatat penurunan sebanyak 3.4% kepada RM26.4 bilion (S4 2006: RM27.4 bilion). Kedudukan yang lebih baik ini berpunca terutamanya daripada kutipan balik yang lebih tinggi (+12.5%) dan pengelasan semula NPL kepada status berbayar (+5.9%) serta hapus kira yang berterusan. Berikutan itu, nisbah NPL bersih menurun kepada 4.6% daripada pinjaman bersih (S4 2006: 4.8%).

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar



Simposium Antarabangsa oleh Pusat Kerjasama Kewangan di Asia
Sesi 1: Perubahan Selepas Krisis: Kedinamikan dan Prospek Ekonomi ASEAN
22 Januari 2007, Tokyo

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Sepuluh tahun selepas dilanda krisis, ASEAN menonjol sebagai rantau yang dinamik dengan pelbagai kekuatan. Dengan bilangan penduduk semakin bertambah melebihi 550 juta, ASEAN masih merupakan salah sebuah rantau yang paling pesat berkembang di dunia (2005: 5.6%; dunia: 4.9%). KDNK negara ASEAN, sebagai satu kumpulan, dijangka melebihi USD1 trilion pada tahun 2007. Pertumbuhan ini adalah meluas dan termasuk semua ekonomi yang sedang membangun dalam kumpulan ini.

Ekonomi negara ASEAN sememangnya merupakan ekonomi yang sangat terbuka. Jumlah perdagangan ekonomi negara ASEAN melebihi 130 peratus daripada KDNK dan nilai aliran perdagangan kini melebihi USD1 trilion. Memandangkan tahap keterbukaan yang tinggi ini, ekonomi ASEAN juga mudah terjejas oleh perkembangan yang berlaku di luar negeri. Namun begitu, ekonomi ASEAN telah berkali-kali membuktikan kemampuannya untuk bangkit semula setelah terjejas dan berjaya berbuat demikian dalam jangka waktu yang singkat. Meskipun krisis tahun 1997-1998 meninggalkan kesan yang amat ketara, kebanyakan ekonomi ASEAN telah mampu untuk kembali stabil dan berkembang semula hanya selepas setahun sahaja dilanda krisis. ASEAN juga telah terus mengharungi kejutan lain yang telah berlaku pada peringkat rantau dan antarabangsa.

Meskipun persekitaran semasa pada peringkat global dan serantau pesat berubah sejak sepuluh tahun yang lepas, yang mewujudkan risiko dan cabaran baharu, rantau ini kini bertambah kukuh dengan daya tahan ekonomi dan kewangan yang lebih teguh. Asas-asas makroekonomi yang teguh telah dapat dikekalkan dan diperkukuh oleh peningkatan kefleksibelan ekonomi. Penyusunan semula dan pembaharuan sektor kewangan dan korporat yang dijalankan sepanjang tempoh sepuluh tahun itu juga telah menyokong perkembangan ini. Tidak kurang pentingnya ialah pembangunan infrastruktur kewangan dan pasaran kewangan domestik yang agresif. Ekonomi ASEAN juga telah mewujudkan kesalinglengkapan dengan ekonomi serantau yang utama di Asia termasuk China, Jepun, Korea Selatan dan India, yang telah membantu memperdalam integrasi ekonomi serantau, lantas memperkukuh hubungan perdagangan dan pelaburan yang sememangnya sudah terjalin di rantau ini.

Isu yang dihadapi sekarang ialah sama ada negara-negara Asia Tenggara dapat menyahut cabaran untuk mengekalkan kedinamikan dan prospeknya dalam persekitaran global yang lebih mencabar ini. Saya akan menerangkan faktor-faktor yang telah membantu ekonomi ASEAN melakukan perubahan dengan jayanya sebelum ini dalam menghadapi kejutan dan menyentuh tentang perkembangan terbaharu yang telah menguatkan lagi kemampuan dan keupayaannya untuk menangani kejutan mendatang, dan dengan itu, mengekalkan kedinamikan ekonominya.

Asas makroekonomi yang bertambah baik

Sungguhpun asas makroekonomi sejurus sebelum berlakunya krisis adalah baik, dalam persekitaran semasa, kedudukan luaran ekonomi serantau telah menjadi lebih kukuh. Terdapat lebihan dalam akaun

semasa, rizab mata wang asing pada tahap tertinggi dan paras hutang luar negeri jauh lebih rendah, dengan profil kematangan yang lebih baik. Kedudukan belanjawan kerajaan pada umumnya lebih teguh dengan langkah-langkah berterusan diambil ke arah mencapai pengukuhan. Inflasi pada umumnya dapat dibendung, meskipun terdapat pelarasan baru-baru ini disebabkan harga minyak yang tinggi. Rejim kadar pertukaran yang lebih fleksibel juga kini dilaksanakan, membolehkan pelarasan yang lancar terhadap kejutan luar.

Dalam persekitaran ini, pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) juga terus meningkat, mencerminkan keyakinan terhadap ekonomi ASEAN. Pada tahun 2005, FDI dalam ekonomi ASEAN mencecah USD37 bilion, melebihi paras tertinggi sebelum krisis, iaitu USD34 bilion pada tahun 1997.

Kefleksibelan ekonomi di negara ASEAN telah ditingkatkan

Kefleksibelan ekonomi merupakan salah satu kekuatan ASEAN selama ini. Kekuatan ini merupakan faktor utama yang telah memudahkan pelarasan terhadap persekitaran global yang berubah-ubah dan terhadap kejutan luar. Kefleksibelan ekonomi negara ASEAN ini dapat diperluas lagi sepuluh tahun kemudian. Ini dapat dicapai dengan peningkatan mobiliti pekerja dan modal, pembangunan pasaran kewangan, sistem kewangan yang bertambah kukuh dan perkembangan keinstitusian yang telah berlaku dengan meluas.

Kefleksibelan ekonomi penting dalam membolehkan ekonomi ASEAN beralih ke bidang-bidang baharu yang mempunyai kelebihan berbanding. Perubahan yang ketara dalam struktur ekonomi telah berlaku, dan begitu juga peralihan ke sektor-sektor baharu sebagai tindak balas terhadap dinamik persaingan global yang berubah-ubah. Pelbagai sektor pertumbuhan baharu kini muncul di seluruh ASEAN. Ekonomi ASEAN kini tidak lagi bergantung hanya pada eksport perkilangan malah telah melangkah ke arah meningkatkan pengeluaran produk yang berasaskan sumber, dan semakin ke arah sektor perkhidmatan, dan dengan itu memberikan kefleksibelan yang lebih baik untuk tindak balas terhadap perubahan permintaan luar.

Pengimbangan semula sumber pertumbuhan juga telah berlaku antara permintaan dalam negeri dengan luar negeri. Peranan penggunaan swasta telah bertambah kukuh dalam ekonomi ASEAN. Pasaran pengguna yang pesat berkembang di ASEAN kini bernilai lebih daripada USD330 bilion. Dengan kadar tabungan yang berterusan tinggi, trend ini dijangka dapat dikekalkan. Permintaan penggunaan juga disokong oleh pendapatan yang semakin meningkat, dengan KDNK per kapita meningkat melebihi USD1,500 berbanding dengan USD1,157 pada tahun 2000. Dalam jangka panjang, trend ini dijangka diperkukuh oleh struktur demografi yang positif di rantau ASEAN. Penduduk ASEAN bukan sahaja besar jumlahnya tetapi juga masih muda, dengan 55% berusia kurang daripada 30 tahun dan semakin menerapkan urbanisasi.

Pembabitan sektor swasta dalam ekonomi juga meningkat berikutan tempoh pelarasan selepas krisis. Pelaburan swasta yang pada mulanya agak perlahan untuk pulih kini menunjukkan prospek pemulihan yang lebih menggalakkan. Kemungkinan wujudnya pelaburan yang lebih besar didorong oleh keperluan terhadap infrastruktur yang semakin meningkat di seluruh rantau ini, yang dianggarkan bernilai USD160 bilion bagi tempoh 2006-2010. Minat terhadap industri berasaskan sumber juga semakin tinggi. Iklim pelaburan turut bertambah baik dalam keadaan ekonomi yang lebih menggalakkan dan sistem yang berfungsi dengan lebih berkesan yang telah disediakan.

Pembaharuan dan penyusunan semula kewangan dan korporat telah menyokong perkembangan ini

Sektor kewangan merupakan sektor yang telah menunjukkan hasil yang amat baik. Sektor-sektor perbankan di rantau ASEAN seluruhnya telah meningkat daya tahan

dan kemampuannya untuk menguruskan risiko, sebagaimana yang ditunjukkan melalui keberuntungannya, kualiti asetnya dan permodalannya. Kesemua ini pada umumnya telah bertambah kukuh sejak berlakunya krisis kewangan Asia. Kekuatan baharu sektor perbankan telah didorong oleh program permodalan semula, rasionalisasi dan penggabungan, serta penambahbaikan dalam pengawalseliaan perbankan. Pelaksanaan pembaharuan kewangan bukan sahaja telah meningkatkan keupayaan sistem kewangan malah juga daya tahannya.

Kedudukan kewangan korporat di seluruh rantau ini juga bertambah kukuh dengan ketaranya bersama-sama piawaian tadbir urus korporat yang bertambah baik dengan nyatanya. Dengan iklim pelaburan yang lebih positif, perkembangan ini telah menyebabkan kegiatan pelaburan kembali cergas. Suatu perkembangan besar sejak krisis ialah pembangunan pasaran modal, terutamanya pasaran bon. Ini telah membawa kepelbagaian yang lebih besar bagi sumber pembiayaan sektor korporat. Di Malaysia, pasaran bon kini mencakupi hampir 90% daripada KDNK dengan saiz pasaran sekuriti hutang korporat melebihi saiz pasaran sekuriti hutang kerajaan. Tumpuan yang lebih besar juga telah diberikan terhadap usaha untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak, untuk merapatkan jurang ketaksamaan pendapatan dan mencapai pertumbuhan yang lebih seimbang.

Sektor kewangan domestik yang lebih teguh dalam ekonomi ASEAN juga telah membolehkan liberalisasi dan penyahkawalseliaan yang lebih meluas. Ini bukan sahaja meningkatkan kepelbagaian peluang perniagaan bagi institusi kewangan tetapi juga potensinya untuk berkembang sehingga merentas sempadan negara dan meneruskan lagi perhubungan serantau.

Kesalinglengkapan serantau yang lebih baik di Asia

Selepas krisis, ASEAN telah meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan antara rantau dalam ASEAN dan dengan ekonomi utama lain di rantau ini. Perdagangan antara Asia kini mencakupi lebih separuh daripada jumlah perdagangan seluruh rantau. Kemunculan China dan India telah mewujudkan pasaran eksport baharu bagi ASEAN, dengan itu mempelbagaikan pasaran eksport ASEAN dan mengurangkan penumpuan berlebihan dalam pasaran tradisional. ASEAN adalah antara beberapa rantau yang mempunyai lebihan perdagangan yang besar dan semakin bertambah dengan China. Jumlahnya mencapai kira-kira USD20 bilion pada tahun 2005. Sementara itu, jumlah perdagangan antara ASEAN-5 dengan India telah bertambah lebih sepuluh kali ganda dengan jumlahnya meningkat daripada USD2 bilion sahaja pada tahun 1990 kepada USD12 bilion pada tahun 2005.

Bagi kegiatan pelaburan pula, para pelabur Jepun telah lama bertapak dalam kebanyakan ekonomi ASEAN. Ini pada umumnya mencerminkan kelebihan berbanding yang pelbagai bagi ekonomi ASEAN, yang merangkumi kelebihan dari segi kos pekerja sehinggalah sumber asli serta persekitaran yang semakin dinyahkawal selia dan liberal. Para pelabur asing juga telah menggunakan rangkaian bekalan masing-masing pada platform ASEAN untuk memanfaatkan kelebihan berbanding yang pelbagai ini. Malah dalam ASEAN terdapat trend pelaburan langsung ke luar yang semakin meningkat, terutamanya oleh Malaysia dan Singapura, yang dibuat untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan serantau.

Integrasi kewangan serantau yang lebih baik

Manakala tahap integrasi ekonomi selama ini adalah tinggi, perkembangan baru-baru ini menunjukkan integrasi kewangan serantau yang pesat. Sebagai ekonomi dengan kadar tabungan yang tinggi, ini akan memudahkan pengagihan dana lebihan yang lebih cekap dalam rantau ini kepada pelaburan yang produktif di rantau ini. Ini dapat membantu merendahkan kos pembiayaan dan mengurangkan risiko sekali gus mendorong potensi ekonomi rantau ini.

Bagi memudahkan integrasi kewangan, liberalisasi peraturan pertukaran asing, penyeragaman piawaian dan pemansuhan halangan terhadap pelaburan merentas sempadan telah dilaksanakan. Pelan Pembangunan Pasaran Modal ASEAN telah dirumuskan untuk menjalinkan ikatan dan hubungan dalam pasaran ekuiti dan bon dalam kalangan bursa ASEAN, termasuk penyeragaman peraturan. Dalam pasaran ekuiti, penyenaraian berbilang sedang digalakkan seiring dengan usaha bursa di rantau ini untuk menarik syarikat domestik di rantau ini untuk penyenaraian di bursa masing-masing. Indeks FTSE/ASEAN dan Indeks FTSE/ASEAN-40 yang dilancarkan pada tahun 2005 juga berperanan meningkatkan integrasi bursa serantau selain mempromosikan ASEAN sebagai kelas aset. Dalam pasaran bon pula, Dana Bon Asia (Asian Bond Fund, ABF 1 dan ABF 2) yang diperkenalkan oleh bank-bank pusat bermatlamat untuk meluaskan dan mendalamkan pasaran-pasaran bon di rantau ini. Sementara itu, Inisiatif Pasaran Bon Asia (Asian Bond Markets Initiatives) bermatlamat untuk menambah baik infrastruktur, yang merangkumi rancangan untuk menghasilkan mekanisme jaminan kredit serantau, agensi penarafan kredit serantau, dan hubungan penjelasan serantau untuk memudahkan urus niaga merentas sempadan. Secara khusus, Pelan Pembangunan Liberalisasi Akaun Modal ASEAN yang dilancarkan pada tahun 2003 bertujuan mencapai aliran modal yang lebih bebas secara beransur-ansur pada jangka masa pertengahan. Sejak itu Malaysia terus melonggarkan peraturannya bagi urus niaga pertukaran asing secara berperingkat, yang berakhir dengan pemansuhan sebahagian besar daripada peraturan tersebut pada bulan April 2005.

Kerjasama kewangan serantau yang lebih padu

Semasa krisis tahun 1997-1998, Asia tidak bersatu untuk bertindak secara bersama dan berkumpulan dalam membendung krisis tersebut dan seterusnya memudahkan usaha mengatasinya. Barangkali, ini disebabkan sifat krisis tersebut, dan kesannya yang teruk terhadap pasaran kewangan dan ekonomi. Kestabilan dalam negeri terpaksa dipulihkan dahulu sebelum masa boleh diberikan untuk merumuskan penyelesaian pengurusan krisis yang menyeluruh. Ketidakstabilan pasaran mata wang berlanjutan selama kira-kira satu tahun setengah. Pada waktu itu juga tiada entiti di rantau ini yang menyediakan apa-apa penilaian yang berwibawa tentang sama ada program yang dilaksanakan selepas itu benar-benar dapat mencapai hasil yang dihasratkan.

Sungguhpun usaha untuk mengukuhkan ekonomi dan sistem kewangan domestik akan berterusan, usaha ini kini diperkukuh oleh pengawasan serantau yang lebih rapi termasuk terhadap aliran kewangan merentas sempadan, dan oleh pengaturan keinstitusian yang dapat menyumbang ke arah membendung dan menguruskan krisis. Usaha kerjasama serantau yang akan datang akan terus dipergiat. Usaha ini tidak seharusnya dianggap sebagai percubaan untuk menggantikan pengaturan antarabangsa yang sedia ada, tetapi sebagai usaha untuk melengkapkannya. Matlamat yang ingin dicapai tetap sama, iaitu untuk membina keupayaan serantau supaya berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mencegah, membendung dan mengatasi sebarang kemungkinan krisis dengan kesan yang minimum terhadap sistem kewangan dan ekonomi kita.

Sebagai kesimpulan, kesan kumulatif hasil perubahan sejak krisis Asia telah mengubah ASEAN sama sekali - membuka peluang baharu dan menjadikan rantau ini pusat pertumbuhan yang berdaya tahan dan dinamik. “Harimau” ASEAN bangkit kembali dan bersedia untuk melompat ke gelombang kemajuan ekonomi dan kemakmuran yang berikut.

Wacana Intelektual Sulung INCEIF "Kewangan Islam: Isu dan Cabaran tentang Kewujudan Bersama dalam Sistem Konvensional yang Berakar Umbi" 23 Februari 2007, Bank Negara Malaysia

Ucapan Alu-aluan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berasa amat berbesar hati untuk mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Siri Wacana Intelektual Sulung Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF). INCEIF telah mencapai kemajuan yang ketara dalam tempoh kurang daripada setahun. Pada tahun 2006, INCEIF telah memperoleh status universiti. Pada masa ini, INCEIF telah menerima kemasukan sebanyak 756 orang pelajar dari 39 buah negara, dan telah mengadakan pakatan strategik dengan beberapa penyedia latihan industri dan pendidikan dari Timur Tengah, Asia Tenggara dan juga Barat. Sesungguhnya, sambutan yang diterima INCEIF adalah amat memberangsangkan. INCEIF, sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang khusus untuk membangunkan modal insan bagi industri kewangan Islam global yang sedang berkembang, mempunyai peranan yang penting dalam memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap tenaga mahir dan kepakaran industri ini.

Tajuk perbincangan hari ini, "Isu dan Cabaran tentang Kewujudan Bersama Kewangan Islam dalam Sistem Konvensional yang Berakar Umbi", adalah begitu relevan dalam industri perkhidmatan kewangan yang amat bersaingan hari ini, yang menampilkan pelbagai cabaran dan peluang baharu yang muncul secara berterusan dalam era globalisasi dan perubahan pesat yang juga didorong oleh kemajuan dalam teknologi.

Inisiatif hari ini bertujuan mempertemukan pakar dan cendekiawan kewangan Islam untuk membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh kewangan Islam dalam persekitaran kewangan konvensional yang begitu berpengaruh dan amat berakar umbi. Matlamat utama Wacana Intelektual Sulung pada hari ini adalah untuk meneroka prospek bagi kewangan Islam yang kini sudah mencapai satu tahap pembangunan yang tidak boleh lagi dianggap hanya sebagai produk khas (niche) untuk pasaran yang khusus. Hari ini, kewangan Islam merupakan sebuah industri yang teguh yang beroperasi di lebih daripada 60 buah negara, dan ia merupakan satu bentuk pengantaraan kewangan berdaya maju, yang berdaya saing dan berdaya tahan. Meskipun demikian, kewangan Islam menghadapi banyak cabaran dalam hal berkaitan dengan produk-produk yang ditawarkannya, dimensi etika dan moralnya yang berbeza, dan kerelevanannya kepada semua pelanggan.

Sistem kewangan Islam di Malaysia telah berkembang sebagai komponen yang bersaingan dalam sistem kewangan keseluruhan, melengkapi sistem kewangan konvensional sebagai pemacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Malaysia akan terus menggalakkan pengembangan sistem dwiperbankan yang menampilkan sistem perbankan Islam dan konvensional beroperasi secara selari untuk menyampaikan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif dan bersaingan. Walau bagaimanapun, pengalaman global telah menunjukkan bahawa infrastruktur kewangan keinstitusian dan pembangunan, peluasan dan pendalaman pasaran kewangan, dan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan yang rapi adalah penting bagi kemantapan, kestabilan dan daya tahan sistem kewangan. Perkembangan dalam keadaan ekonomi

dan kewangan domestik dan antarabangsa dari semasa ke semasa menguji daya tahan sistem kewangan. Oleh itu, institusi kewangan Islam bukan sahaja akan dinilai melalui aspek Syariahnya, tetapi juga melalui faktor-faktor lain termasuk keberkesanan dan kecekapannya, daya tahannya dan juga kemampuannya untuk berkembang dan mencipta semula untuk menghadapi cabaran tuntutan yang senantiasa berubah, dalam kita mengorak langkah ke hadapan.

Selepas melalui pengalaman lebih daripada dua dekad dalam pembangunan kewangan Islam, kini kami sedang menyaksikan dimensi antarabangsa sistem kewangan Islam kami menjadi semakin penting. Perkembangan ini berikutan kehadiran dan penyertaan asing yang meningkat dalam sistem kewangan Islam domestik kami. Malaysia juga telah meneroka untuk menyertai pasaran kewangan antarabangsa, dan dari segi kehadirannya, untuk melangkaui sempadan. Secara lebih spesifik, tiga buah bank Islam asing baharu kini menyertai sistem kewangan domestik kami. Berikutan langkah-langkah liberalisasi selanjutnya, penyertaan asing juga meningkat dalam institusi kewangan Islam domestik kami. Industri takaful kami juga merupakan salah satu kejayaan dalam kewangan Islam. Bagi empat lesen baharu yang dikeluarkan baru-baru ini, kesemuanya terdiri daripada usaha sama dengan penyertaan asing. Pasaran bon Malaysia juga telah diliberalisasikan untuk membolehkan entiti-entiti asing memperoleh dana dalam pasaran domestik kami. Pengalaman kami dalam melancarkan Sukuk yang pertama telah menarik minat yang ketara oleh syarikat dan Kerajaan untuk memperoleh pembiayaan jangka panjang berasaskan instrumen berstruktur Islam.

Susulan pelbagai perkembangan ini, kami kini memasuki fasa baharu dalam pembangunan sistem kewangan Islam dengan inisiatif-inisiatif baharu untuk mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa. Langkah ini bertujuan mengukuhkan hubung kait ekonomi dan kewangan kami dan sekali gus menggalakkan perdagangan dan pelaburan yang lebih pesat merentas sempadan. Justeru, ini merupakan permulaan kepada fasa pembangunan baharu kewangan Islam di Malaysia yang kini menjadi lebih rancak berintegrasi dengan sistem kewangan antarabangsa.

Kami telah menetapkan standard yang tinggi dalam liputan pasaran dan peluasan produk-produk kewangan Islam yang ditawarkan kepada pasaran. Cabarannya bagi institusi kewangan adalah untuk membuat jangkauan yang lebih meluas. Kewangan Islam perlu menggalakkan peningkatan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua peringkat masyarakat. Peluang-peluang juga perlu diwujudkan bagi produk kewangan Islam menjangkau hingga kepada perusahaan kecil dan sederhana. Malah, instrumen kewangan yang distrukturkan di bawah kontrak Salam, Istisna' dan Musyarakah perlu direka untuk merangsang aktiviti dalam sektor-sektor seperti pertanian dan perkilangan, yang terdapat penyertaan kewangan konvensional yang terhad. Kita perlu menjangkau segmen masyarakat dan aktiviti ekonomi yang belum mendapat manfaat sepenuhnya daripada kejayaan kewangan Islam.

Sebagai sebahagian daripada pembangunan global kewangan Islam, perkara yang sama penting ialah arkitektur antarabangsa sokongan yang sedang berubah. Pertubuhan Perakaunan dan Audit bagi Institusi Kewangan Islam dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pembangunan dan pengharmonian piawai perakaunan dan kehematan, yang akan membolehkan potensi pengukuhan hubungan merentas sempadan berlaku.

Perbankan konvensional yang merupakan pasaran yang lebih matang juga terus berkembang dan berjaya di Malaysia. Sejak permulaannya, perbankan konvensional telah menarik peserta global yang berpengaruh. Terdapat 14 bank milik penuh asing dalam sistem kewangan kami yang merupakan hampir satu pertiga daripada bahagian pasaran. Dalam sektor insurans, penyertaan asing adalah lebih ketara. Oleh itu, kewangan konvensional Malaysia telah pun berintegrasi secara mendalam dengan sistem kewangan

antarabangsa. Ini telah diperkukuh oleh peliberalan akaun modal kami secara progresif yang kini membenarkan aliran masuk dan aliran keluar dana secara bebas. Oleh yang demikian, sistem kewangan kami telah memudahkan hubungan antarabangsa ekonomi dan kewangan Malaysia yang kukuh, yang telah menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi kami selama beberapa dekad.

Dalam persekitaran global yang bersaingan ini, cabaran dan risiko baharu dijangka muncul secara berterusan. Peningkatan penyertaan seluruh dunia dalam kewangan Islam sebagai suatu bentuk pengantaraan kewangan dalam persekitaran yang amat mencabar ini telah memperlihatkan kekukuhan dan kebersaingan kewangan Islam. Oleh itu, persekitaran yang dinamik ini, yang menjadi medan operasi kita, memerlukan pembangunan yang berterusan diusahakan pada semua sudut dan bidang.

Sesungguhnya wacana dalam kalangan pakar bidang ini bukan sahaja akan memberikan kita pemahaman yang lebih jitu tentang isu-isu dan cabaran-cabaran berikutan kewujudan secara bersama, bukan sahaja dalam sistem kewangan domestik kita, malah juga dalam sistem kewangan antarabangsa. Ini akan menyumbang kepada kesedaran dan pemahaman tentang perjalanan ke arah pembangunan kewangan Islam yang mampan.

Forum Pelabur & Penerbit GIFF
"Kewangan Islam: Laluan Sutera Baharu"
28 Mac 2007, Kuala Lumpur

Ucapan Khas oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Sehingga abad ke-14, Laluan Sutera telah menjadi hubungan sejagat yang utama antara tamadun silam di Timur dan di Barat. Melalui pertukaran dagangan, budaya dan teknologi, Laluan Sutera telah mewujudkan kemakmuran bersama, menggalakkan pemindahan ilmu pengetahuan dan meningkatkan persefahaman antara tamadun. Kini pada abad ke-21, globalisasi dan liberalisasi, serta kemunculan pusat-pusat kewangan yang baharu dan peningkatan integrasinya, telah mewujudkan persekitaran aktiviti yang berkembang maju, yang mengingatkan kita kepada Laluan Sutera Lama.

Sesungguhnya, ini membayangkan bahawa Laluan Sutera Baharu telah muncul. Laluan baharu ini bukan sahaja menjadi laluan untuk aliran minyak, barangan perkilangan, dan inovasi teknologi, tetapi juga untuk aliran pelaburan langsung, modal portfolio, ekuiti swasta dan modal insan. Dahulu kala, sutera merupakan salah satu komoditi utama yang didagangkan di laluan ini. Kini, kemunculan produk dan perkhidmatan kewangan Islam telah mempertemukan penyedia perkhidmatan kewangan dari seluruh benua untuk berdagang di laluan baharu ini. Kemunculan Laluan Sutera Baharu mencerminkan hubungan dan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan yang kian meningkat dan berkembang. Kewangan Islam berada pada kedudukan yang baik untuk memudahkan lagi hubungan ini dan menawarkan manfaat yang saling mengukuhkan kepada para pesertanya. Sesungguhnya, Laluan Sutera Baharu membuka kemungkinan terhadap peluang-peluang yang menarik bagi kemajuan dan kemakmuran ekonomi untuk kita semua.

Saya merujuk kepada Laluan Sutera Baharu ini buat pertama kali dalam Forum Ekonomi Islam Sedunia Yang Ke-2 tentang "Memanfaatkan Potensi Pasaran Yang Sedang Pesat Membangun" di Islamabad, Pakistan pada bulan November 2006.

Pada hari ini, saya berbesar hati untuk berkongsi beberapa buah fikiran mengenai peranan yang mungkin dapat dimainkan oleh kewangan Islam dalam mengukuhkan Laluan Sutera Baharu. Penyampaian saya akan tertumpu terutamanya pada empat perkara, iaitu kemunculan Laluan Sutera Baharu; bagaimana hubungan dalam Laluan Sutera Baharu telah dibina berasaskan kelebihan berbanding Asia dan Timur Tengah; bagaimana kewangan Islam dapat menjalinkan hubungan di sepanjang Laluan Sutera Baharu; dan akhir sekali, bagaimana kita boleh meluaskan Laluan Sutera Baharu ke seluruh dunia untuk meningkatkan kestabilan dan kemakmuran ekonomi global.

Kemunculan Laluan Sutera Baharu

Kini, wujud tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Laluan Sutera Baharu sedang berkembang maju. Hubungan ekonomi dan kewangan antara Asia dengan Timur Tengah kian berkembang. Meskipun perdagangan dunia secara purata telah berkembang sebanyak 10% sepanjang tempoh 2001-

2005, perdagangan Asia dengan Timur Tengah pula telah meningkat secara purata sebanyak 24%. Lebih separuh daripada eksport negara-negara Teluk[1] adalah ke Asia dan lebih satu perlima importnya adalah dari Asia. Kawasan Teluk merupakan pembekal utama bahan api kepada Asia, manakala Asia pula membekalkan barangan perkilangan dan makanan kepada negara-negara Teluk.

Trend terkini aktiviti pelaburan juga tidak kurang pentingnya. Beberapa projek pelaburan berjumlah lebih daripada USD160 bilion di Asia yang akan dibiayai oleh negara-negara Teluk telah diumumkan sejak tahun 2005[2]. Pada tahun 2006 sahaja, urus niaga mega[3] yang membabitkan pemerolehan syarikat dan pembelian harta tanah dari Teluk ke Asia dianggarkan berjumlah lebih USD18 bilion, termasuklah pembelian tawaran awam awal bernilai berbilion dolar dalam institusi kewangan di China, loji penapis minyak yang besar dan syarikat telekomunikasi. Nilai pelaburan sedemikian dijangka meningkat kepada kira-kira USD20 hingga USD30 bilion pada tahun 2007.

Bagi rantau ekonomi yang mempunyai kadar tabungan yang tinggi dan lebihan yang besar, seperti Asia dan Timur Tengah, cabaran yang dihadapinya adalah untuk mengitar semula sebahagian daripada dana yang berlebihan ini bagi pelaburan yang produktif di rantau berkenaan. Bekalan tabungan di Asia dan Timur Tengah adalah jauh lebih tinggi dari mana-mana tempat lain di dunia. Kadar tabungan di Asia dijangka kekal dalam lingkungan 30-40% daripada KDNK bagi beberapa tahun yang akan datang. Begitu juga, tabungan dalam ekonomi Timur Tengah kian meningkat sejak sedekad kebelakangan ini dan dijangka berpurata kira-kira 30-35% daripada KDNK pada tahun-tahun yang akan datang. Pada tahun 2006, lebihan akaun semasa sebagai peratusan daripada KDNK bagi Asia dan Timur Tengah masing-masing sebanyak kira-kira 5% dan 23%[4]. Dengan rizab mata wang asing rasmi Asia melebihi USD2 trilion, dan hasil minyak Timur Tengah melebihi USD1 trilion sejak tahun 2000, pengurusan tabungan dan rizab yang berlebihan di kedua-dua rantau ini akan menawarkan peluang pelaburan yang besar.

Selain kekayaan keinstitusian ini, golongan kelas menengah yang berkembang dengan cepat di kedua-dua rantau merupakan suatu lagi trend yang mengekalkan kadar tabungan yang tinggi dan peningkatan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih canggih, termasuklah kewangan pengguna dan pengurusan kekayaan. Di Asia sahaja, kini terdapat lebih daripada 2.4 juta individu yang memiliki aset kewangan yang tinggi[5], tidak jauh di belakang Amerika Syarikat dengan 2.9 juta, dan Eropah dengan 2.8 juta individu. Individu Asia ini menguasai aset kewangan yang dianggarkan sebanyak USD7.2 trilion. Saiz kumpulan ini di Asia dianggarkan meningkat pada kadar 7% setahun, iaitu hanya di belakang kumpulan pendahulu di Timur Tengah yang berjumlah 300,000 dan meningkat pada kadar 9% setahun. Mengikut tradisi, para pelabur di Asia dan Timur Tengah menoleh ke pasaran Barat yang maju untuk memenuhi keperluan pelaburan mereka, memandangkan pasaran kewangan yang lebih maju dan kepelbagaian kelas aset di sana. Namun demikian, minat terhadap pulangan pelaburan yang lebih lumayan dan pencariannya di bahagian-bahagian lain dunia kini semakin bertambah. Ini telah menjadi

---

[1] Majlis Kerjasama Teluk mewakili Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Bahrain, Qatar, Oman dan Kuwait

[2] "Jalan menuju kekayaan dalam Laluan Sutera Baharu", akhbar The Financial Times, 21 Disember 2006

[3] Bernilai lebih daripada USD1 bilion

[4] Merujuk kepada data Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF)

[5] Merujuk kepada individu yang memiliki aset kewangan sekurang-kurangnya USD1 juta. Dipetik daripada Laporan Kekayaan Dunia Merrill Lynch - Capgemini Tahun 2006

suatu fenomena global sejak beberapa tahun kebelakangan ini, yang dicirikan oleh mudah tunai yang berlebihan dan pulangan yang rendah di pasaran-pasaran tradisional.

Laluan Sutera Baharu mewujudkan hubungan yang dibina berasaskan kelebihan berbanding antara Asia dengan Timur Tengah

Dari segi sejarah, perdagangan dan pelaburan di Asia dan Timur Tengah telah dikaitkan dengan ekonomi-ekonomi maju. Walau bagaimanapun, kini semakin diiktiraf bahawa terdapat kesalinglengkapan yang besar antara dua rantau yang dinamik ini. Kesalinglengkapan ini menyediakan platform bagi aliran dua hala yang menambahkan pendapatan dan penjanaan kekayaan. Pola permintaan yang berbeza bagi setiap rantau ini memperkukuh peri pentingnya kesalinglengkapan itu.

Pelabur-pelabur Timur Tengah mempunyai keperluan yang lebih besar terhadap kepelbagaian, dari segi peruntukan geografi dan juga kelas aset, yang lebih luas daripada pelaburan tradisional mereka di Amerika Syarikat dan Eropah. Asia pula, yang terdapat beberapa ekonomi yang paling pesat berkembang di dunia, menawarkan pelbagai peluang pelaburan daripada di Vietnam hinggalah di Jepun, dan dalam berbagai-bagai industri, daripada pengeluaran sumber asli sehinggalah produk berteknologi tinggi yang jenamanya sudah terkenal. Peluang pelaburan sedemikian terus menyokong momentum pertumbuhan di rantau itu. Pada masa yang sama, keperluan infrastruktur domestik Timur Tengah dianggarkan berjumlah USD500 bilion bagi lima tahun yang akan datang, dan syarikat-syarikat Asia telah menunjukkan keupayaan untuk menyediakan teknologi, kepakaran dan modal insan untuk memenuhi tuntutan infrastruktur ini.

Asia, dalam terus menerus mara ke arah pembangunan menawarkan peluang-peluang baharu kepada Timur Tengah. Keperluan Asia yang berterusan terhadap modal yang produktif dan bekalan tenaga yang tidak terganggu untuk menampung pertumbuhannya yang tinggi, bersesuaian dengan anugerah sumber di Timur Tengah. Dianggarkan Asia memerlukan pelaburan infrastruktur bernilai USD1 trilion bagi tempoh lima tahun yang akan datang, dan sedang mencari perkongsian baharu dan pelabur strategik untuk sama-sama melabur dalam usaha ini.

Dengan memberi tumpuan terhadap kelebihan berbanding masing-masing dan berhubung melalui Laluan Sutera Baharu, usaha ini menyumbang ke arah mengembangkan peluang di kedua-dua rantau itu. Pada dasarnya, ini meluaskan sempadan kemungkinan pengeluaran untuk mewujudkan bidang pertumbuhan baharu. Penyertaan kelompok pelabur yang lebih luas juga membolehkan perkongsian risiko yang lebih baik, dan dengan itu, meningkatkan daya maju projek dan juga pulangan pelaburan. Nilai baru juga diwujudkan dalam kerjasama yang saling memanfaatkan, seperti dalam aktiviti tenaga hiliran. Produk yang terhasil daripada idea hibrid juga dapat dilihat melalui inovasi dalam beberapa bidang, termasuklah kewangan Islam, dengan sukuk global awal diterbitkan dari negara-negara Asia dan Timur Tengah.

Kewangan Islam: Mengukuhkan hubungan kewangan antara Asia dengan Timur Tengah

Kewangan Islam telah memperlihatkan daya maju dan daya saingnya dalam persekitaran kewangan yang lebih liberal dan global, dan menjadi penting dalam mengukuhkan hubungan antara dua rantau itu. Meskipun penduduk Islam yang begitu ramai di kedua-dua rantau itu tertarik dengan ciri-ciri kewangan Islam yang unik, kewangan Islam

juga telah menarik minat dan penyertaan daripada golongan bukan Islam dalam rantau tersebut. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 100[6] buah bank Islam di kedua-dua rantau, manakala urus niaga kewangan Islam yang membabitkan kerajaan dan syarikat berjumlah USD35 bilion sepanjang tempoh 2004 hingga 2006[7].

Beberapa faktor telah menyokong trend ini. Orientasi kewangan Islam ke arah aset asas benar adalah sejajar dengan jenis peluang pelaburan di kedua-dua rantau. Pembiayaan infrastruktur dan projek di kedua-dua rantau sesuai sekali dengan kewangan Islam.

Penekanan kewangan Islam terhadap perkongsian risiko dan sifat pembiayaan sedemikian yang berorientasikan ekuiti juga sesuai dengan syarat-syarat yang diperlukan. Struktur kewangan Islam membezakan peranan dan tanggungjawab serta profil risiko dan perkongsian keuntungan pihak-pihak yang terbabit dengan jelas. Penggarisan peranan yang jelas ini juga menggalakkan tahap ketelusan yang lebih tinggi dan tadbir urus yang wajar. Sifat struktur ini juga membolehkan risiko dipindahkan kepada pihak yang lebih mampu menyumbang ke arah penjanaan nilai.

Selain itu, penggunaan kewangan Islam menggalakkan kestabilan dalam pasaran kewangan dan aliran pembiayaan, iaitu sesuatu yang mustahak bagi ekonomi sedang pesat membangun seperti di Asia dan Timur Tengah. Dalam kewangan Islam, strategi untuk meminimumkan dan menguruskan risiko membabitkan penyepaduan dengan risiko dalam kegiatan benar. Oleh itu, kegiatan benar perlu menjana kekayaan yang mencukupi untuk mengimbangi risiko sedemikian. Sebaliknya, instrumen konvensional pada amnya mengasingkan risiko daripada aset yang mendasari. Akibatnya, pengurusan risiko dan penjanaan kekayaan ada kalanya boleh bergerak pada arah yang berbeza malah bertentangan. Instrumen kewangan konvensional juga membenarkan risiko dijadikan komoditi, lalu membawa kepada percambahannya melalui berbilang lapisan penggunaan dan pengagihan yang tidak seimbang. Ini boleh mengakibatkan risiko sistemik yang lebih tinggi selain meningkatkan potensi ketidakstabilan dan tumpuan kekayaan yang tidak saksama. Penerapan prinsip kewangan Islam menggalakkan pembiayaan diterima pakai terutamanya sebagai cara untuk memudahkan urus niaga ekonomi benar yang mendasarinya dan bukan untuk tujuan spekulasi.

Terdapat juga usul nilai yang jelas dalam kewangan Islam untuk pelabur dan penerbit dari kedua-dua rantau. Bagi pelabur, produk kewangan Islam menawarkan pempelbagaian portfolio dan peluang pelaburan baharu apabila produk ini muncul sebagai kelas aset yang baharu. Produk kewangan Islam juga menggalakkan pengurusan risiko dan memberikan keyakinan melalui penzahiran yang eksplisit dan ketelusan peranan dan tanggungjawab yang ditakrifkan dalam kontrak. Bagi penerbit pula, kewangan Islam memberi akses kepada sumber dana dan kecairan yang baharu di samping menyediakan pilihan pengurusan risiko yang baharu dan mekanisme baharu bagi penentuan harga.

Kewangan Islam berada pada kedudukan yang baik untuk menjadi penggerak dalam Laluan Sutera Baharu oleh sebab infrastruktur sokongannya sudah pun tersedia. Rangka kerja pengawalseliaan dan undang-undang yang diperlukan bagi kewangan Islam telah diwujudkan, bukan sahaja di banyak negara di kedua-dua rantau itu malah juga pada peringkat antarabangsa melalui badan penetapan piawai seperti Lembaga Perkhidmatan Kewangan Antarabangsa dan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam. Usaha ke arah penyeragaman tafsiran

---

[6] Anggaran berdasarkan penyenaraian institusi kewangan Islam yang disediakan oleh Institut Perbankan dan Insurans Islam, London.

[7] Data diambil daripada laman web Perkhidmatan Maklumat Kewangan Islam. Urus niaga kewangan Islam kebanyakannya berasaskan prinsip-prinsip Murabahah, Ijarah, Mudharabah, Istisna.

Syariah dan isu-isu yang berkaitan dengan pengiktirafan bersama berada pada tahap lanjutan. Platform untuk memperluas hubungan serantau dan inisiatif merentas sempadan, termasuk ke Timur Tengah, telah tersedia di Asia, dengan tahap persepaduan kewangan dan ekonomi serantau yang agak ketara.

Malaysia sebagai destinasi pengantara dalam Laluan Sutera Baharu

Malaysia komited dan terbabit dengan giatnya dalam usaha mengukuhkan hubungan melalui kewangan Islam. Dengan penyertaan industri yang mewakili sektor perbankan, takaful dan pasaran modal di Malaysia, pihak pengawal selia telah berusaha ke arah meningkatkan kesalinghubungan dengan pasaran kewangan Islam sejagat, bukan sahaja dengan penambahbaikan infrastruktur kewangan Islam tetapi juga melalui peningkatan liberalisasi serta pelaksanaan langkah-langkah untuk meningkatkan persaingan sektor perkhidmatan kewangan. Langkah ini termasuk liberalisasi seterusnya akaun modal imbangan pembayaran dan pelaksanaan langkah-langkah percukaian sama rata. Seperti tercatat dalam sejarah negeri Melaka yang pernah menjadi pelabuhan yang penting dalam laluan perdagangan silam antara Asia dengan Timur Tengah, Malaysia dijangka menjadi destinasi penting dalam Laluan Sutera Baharu.

Saya ingin mengumumkan hari ini bahawa Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan para peserta industri telah sama-sama berusaha ke arah menghasilkan mekanisme yang dinamai Syarikat Murabahah Komoditi. Ini merupakan sebahagian daripada usaha Malaysia untuk menggiatkan lagi pembangunan infrastruktur sistem kewangan Islam. Mekanisme ini yang menggunakan minyak sawit mentah sebagai komoditi asasnya, akan memudahkan pembiayaan Islam dengan menggunakan konsep *murabahah* atau *tawaruq*.

Penerimaan murabahah komoditi Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia juga memperkenalkan instrumen kewangan Islam yang baharu, iaitu Program Murabahah Komoditi (PMK), sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan pembangunan produk bagi memenuhi pelbagai keperluan pelabur. PMK merupakan sebahagian daripada instrumen dasar Bank yang pelbagai dalam menguruskan kecairan jangka pendek dalam pasaran kewangan Islam antara bank di Malaysia. Apa yang unik bagi Malaysia ialah PMK telah direka bentuk sebagai urus niaga berasaskan komoditi yang julung-julung kali menggunakan kontrak berasaskan Minyak Sawit Mentah sebagai aset yang mendasarinya. Bank Negara Malaysia telah memeterai perjanjian induk PMK dengan lapan institusi perbankan Islam, termasuk tiga institusi perbankan asing, untuk menggalakkan penggunaan instrumen tersebut dalam menguruskan kecairan. Kini, beberapa urus niaga PMK telah pun dijalankan antara Bank Negara Malaysia dengan Bank-bank Islam berkenaan.

Memandangkan murabahah komoditi telah digunakan secara meluas di pusat-pusat Islam yang lain, PMK dijangka dapat menggalakkan peningkatan hubungan antara Malaysia dengan pusat-pusat Islam tersebut.

Sekuriti jangka pendek Sukuk Murabahah / tawaruq Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia juga bercadang untuk mempelbagaikan konsep terbitan nota kewangan Islam yang sedia ada, daripada konsep yang berdasarkan *Bai Inah* dan *Ijarah* kepada konsep *murabahah*. Pada masa ini, amaun terkumpul nota-nota tersebut adalah sebanyak RM8 bilion. Inisiatif ini merupakan lanjutan daripada inisiatif penerimaan *murabahah* komoditi kerana terbitannya membabitkan pensekuritian kemudahan penerimaan tersebut. Terdapat beberapa

manfaat penting yang dapat diperoleh dengan menerbitkan Nota Kewangan Islam di bawah struktur ini. Ia memberi institusi kewangan Islam instrumen tambahan untuk menguruskan risiko kecairan dalam jangka pendek. Struktur instrumen kewangan ini juga digunakan dengan meluas dalam produk perbankan runcit dan bersindiket di Timur Tengah. Akhir sekali, ia memberi peluang kepada pelabur baharu untuk melabur dalam kertas kewangan Islam di pasaran Malaysia, dengan itu mempelbagaikan para pelabur.

Instrumen ini akan dipromosikan kepada pasaran kewangan antarabangsa sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menjalinkan hubungan dengan pasaran-pasaran kewangan Islam sejagat.

Perjanjian Induk Derivatif Islam

Sebagai menyedari betapa pentingnya usaha membangunkan produk perlindungan nilai Islam bagi pasaran kewangan Islam untuk mengurangkan risiko pelaburan, Malaysia telah memperkenalkan perjanjian induk Derivatif Islam (Islamic Derivative Master Agreement, IDMA) global yang pertama untuk mendokumenkan urus niaga derivatif Islam. Usaha ini dimulakan oleh Bank Negara Malaysia dan dipacu oleh industri kewangan melalui Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia. Pelaksanaan perjanjian ini dijangka dapat memperbaik amalan pengurusan risiko dan pengurusan kunci kira-kira, meningkatkan kecekapan penggemblengan dana serta meningkatkan keupayaan perbankan pelaburan institusi perbankan Islam. Dengan pengenalan IDMA, hak dan kewajipan pihak-pihak dalam kontrak dinyatakan dengan jelas, dengan itu mewujudkan suasana yang lebih telus. Dokumen ini menjadi pemangkin yang penting bagi hubungan akan datang antara pasaran kewangan yang menawarkan instrumen pasaran kewangan Islam memandangkan IDMA juga merangkumi amalan terbaik dalam gelagat pasaran.

Meluaskan Laluan Sutera Baharu ke seluruh dunia

Sungguhpun Laluan Sutera Baharu meningkatkan hubungan antara Asia dengan Timur Tengah, kedua-dua rantau ini sentiasa membuka Laluan Sutera ini ke seluruh dunia untuk menyertai perkembangan yang menarik dalam laluan ini. Sesungguhnya, pelabur global dan komuniti kewangan antarabangsa sudah pun meraih manfaat daripada peningkatan kepelbagaian kelas-kelas aset sambil memanfaatkan kedinamikan kedua-dua rantau itu. Dengan berkembangnya lagi kewangan Islam, yang diperkukuh oleh kegiatan di sepanjang Laluan Sutera Baharu, maka akan terdapat penumpuan yang lebih banyak ke arah jenis pelaburan yang beretika atau yang bertanggungjawab dari segi sosial (PTS) dalam komuniti kewangan global. Garis panduan pelaburan Islam mempunyai persamaan yang nyata dengan prinsip-prinsip PTS. Tumpuan pelaburan Islam bukan sahaja meliputi pengelakan kegiatan yang berunsurkan riba tetapi juga lebih luas dengan merangkumi isu-isu berkaitan dengan nilai-nilai etika, seperti perdagangan yang adil dan perlindungan alam sekitar. Di samping itu, prospek bagi aliran pembiayaan yang lebih stabil dan tumpuan terhadap peranan kegiatan ekonomi sektor benar telah menimbulkan minat untuk menggunakan kewangan Islam bagi pembangunan yang mampan.

Perhimpunan para penerbit dan pelabur yang begitu ramai di sini pada hari ini sedikit sebanyak menunjukkan minat yang semakin bertambah terhadap kewangan Islam, dengan itu memperkukuh lagi kemungkinan peningkatan kegiatan di sepanjang Laluan Sutera Baharu. Kita semua mempunyai peranan masing-masing dalam usaha menjadikan Laluan Sutera Baharu ini suatu sumber kekayaan dan kemakmuran yang memberangsangkan dalam ekonomi global.

Sebagai penutup, Malaysia komited untuk menjadi sebahagian daripada Laluan Sutera Baharu untuk melancarkan lagi aliran ekonomi dan kewangan merentas sempadan bagi meningkatkan urus niaga perdagangan dan pelaburan antara rantau. Insya-Allah, hubungan ekonomi dan kewangan antara rantau yang lebih baik akan mendatangkan lebih banyak manfaat, yang akan saling memperkukuh dan menyumbang ke arah mencerahkan prospek perkongsian kemakmuran dengan lebih luas secara global.

Seminar Ketiga IFSB tentang Isu-Isu Perundangan: Kajian terhadap Isu-Isu Perundangan & Shariah dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam 28 Mac 2007, Kuala Lumpur

Ucapan Pembukaan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Suatu rangka kerja perundangan dan Syariah yang kukuh sebagai tunggak kewangan Islam

Pengukuhan yang berterusan atas rangka kerja perundangan bagi industri perkhidmatan kewangan adalah amat penting memandangkan arus perubahan yang sangat kuat senantiasa mengubah perjalanan ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa. Suatu rangka kerja perundangan yang dijajarkan seiring dengan perkembangan pasaran akan memberikan kepastian dan kebolehramalan terhadap urus niaga kewangan dan produk inovatif serta menyemai keyakinan awam terhadap sistem kewangan.

Rangka kerja perundangan dan Syariah merupakan tunggak penting dalam pembangunan kewangan Islam yang mampan. Ia menyediakan rangka kerja undang-undang yang menetapkan dengan jelas tentang pengendalian institusi kewangan Islam. Ia juga memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada para pengguna kewangan Islam, memastikan kebolehkuatkuasaan kontrak kewangan Islam dan menyediakan mekanisme yang berkesan bagi mendapatkan pembelaan undang-undang.

Rangka kerja perundangan bagi kewangan Islam juga perlu menangani elemen-elemen tertentu yang boleh membawa kepada kekurangan berbanding industri konvensional. Secara lebih khusus, dalam dunia kewangan yang telah lama ditentukan oleh amalan-amalan dan undang-undang konvensional, ciri-ciri yang unik kepada keperluan kewangan Islam perlu diambil kira untuk memastikan layanan yang sama-rata.

Di Malaysia, evolusi pesat kewangan Islam telah disokong oleh pembangunan infrastruktur perundangan yang komprehensif. Suatu siri undang-undang sejak tahun 1983 telah menyediakan asas bagi sebuah rejim pengawalseliaan atas bank-bank Islam, pengendali-pengendali takaful, Majlis Syariah bagi kewangan Islam, jendela-jendela kewangan Islam di bank konvensional dan pelbagai bentuk bon dan instrumen pasaran kewangan. Di samping itu, undang-undang dan garis panduan korporat, sekuriti dan ketaksolvenan juga telah dipastikan supaya bersesuaian dengan Syariah. Kesemua perundangan ini telah diperkukuh lagi dengan penubuhan panel kehakiman yang khusus di Mahkamah Tinggi sekaligus menyediakan sebuah sistem adjudikasi yang komprehensif bagi menyelesaikan pertikaian yang melibatkan kewangan Islam. Selain itu, Peraturan-Peraturan Penimbangtaraan Kewangan Islam yang baharu bagi Pusat Serantau Penimbangtaraan Kuala Lumpur menyediakan mekanisme yang khusus untuk menyelesaikan pertikaian dalam sektor perkhidmatan kewangan Islam.

Pembangunan sebuah pasaran kewangan Islam yang cekap dan kukuh

Dalam pembangunan kewangan Islam, selain pengantara kewangan yang penting, pasaran kewangan Islam juga turut sama penting. Permintaan terhadap produk dan instrumen kewangan Islam sedang berkembang pada kadar yang semakin meningkat dengan ketara di negara-negara yang majoriti penduduknya ialah orang Islam, iaitu di Timur Tengah dan Asia serta di negara-negara bukan Islam di Barat. Pertumbuhan pesat pasaran kewangan Islam telah menyaksikan pembangunan rangkaian produk yang meluas meliputi instrumen pasaran wang, hutang dan modal. Pasaran sedemikian adalah penting untuk pengurusan portfolio pelaburan yang berkesan dan juga untuk pempelbagaian risiko.

Pada hari ini, permintaan global terhadap produk pasaran modal Islam tertunai dengan wujudnya Indeks Islam Dow Jones, yang kini permodalan pasarannya melebihi USD 10 trilion. Kira-kira 350 dana yang mematuhi Syariah telah pun diwujudkan merentas seluruh dunia.

Di Malaysia, pasaran sukuk telah menjadi segmen pertumbuhan yang paling utama dalam pasaran bon domestik, mencakupi separuh daripada pasaran bon domestik dan dua pertiga daripada jumlah sukuk terkumpul global. Pelbagai rangkaian instrumen kewangan Islam baharu yang meluas telah dibangunkan termasuk Sukuk Ijarah Bank Negara Malaysia, Nota Monetari Bank Negara Malaysia, sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam, dan yang paling terkini ialah Program Murabahah Komoditi untuk menguruskan mudah tunai jangka pendek dalam pasaran wang antara bank.

Sementara para pengamal dan cendekiawan kewangan Islam terus menimba daripada sumber fiqh muamalat untuk mencipta instrumen baharu dan inovatif, rangka kerja perundangan walau bagaimanapun, masih perlu diperkukuh lagi bagi memastikan penerimaan dan kegunaan yang berterusan terhadap instrumen kewangan Islam. Di Malaysia, kemajuan dalam bidang ini telah dipermudah lagi dengan pemakaian undang-undang lazim (common law) sebagai asas sistem perundangan negara. Secara lebih spesifik, konsep 'amanah' di bawah common law telah memudahkan terbitan sekuriti Islam seperti sukuk dan Amanah Pelaburan Harta Tanah (Real Estate Investment Trust, REIT) Islam. Memandangkan konsep 'amanah' sebagai konsep yang sedia wujud dalam sistem common law secara umumnya tidak terdapat dalam jurisprudens undang-undang sivil, beberapa negara undang-undang sivil telah menggubal undang-undang khusus untuk membenarkan pengenalan konsep 'amanah' ini bagi menjadikan sistem perundangan mereka sejajar dengan keperluan kewangan Islam.

Cabaran-cabaran yang timbul daripada integrasi kewangan Islam dengan sistem kewangan antarabangsa

Sementara isu perundangan dalam sistem kewangan domestik boleh diselesaikan oleh pengawal selia dan pihak berkuasa Syariah sesebuah negara itu sendiri, integrasi kewangan Islam dengan sistem kewangan antarabangsa membawa bersamanya banyak cabaran. Terdapat keperluan pengiktirafan bersama terhadap piawaian dan produk kewangan merentas pelbagai negara. Pengharmonian Syariah secara progresif, dalam hal ini, perlu dilihat sebagai pendorong ke arah integrasi kewangan antarabangsa yang lebih giat.

Pertumpuan dan pengharmonian sedemikian hanya boleh berlaku dengan adanya perbincangan yang lebih meluas antara para pengawal selia, pengamal dan cendekiawan kewangan Islam dalam komuniti antarabangsa. Dialog Tahunan Cendekiawan Syariah Antarabangsa yang telah berlangsung sejak tahun 2005

bertujuan mencapai matlamat tersebut. Dialog tersebut telah membantu dalam menggalakkan interaksi antara cendekiawan Syariah dari seluruh pelosok dunia dan menyumbang kepada pemahaman dan pertumpuan antarabangsa yang lebih baik.

Di Malaysia, usaha untuk meningkatkan dimensi antarabangsa sistem kewangan Islam kami telah dipergiat dalam tempoh kebelakangan baru-baru ini untuk memudahkan lagi aliran perdagangan antarabangsa dan pelaburan merentas sempadan. Inisiatif-inisiatif baharu yang telah diumumkan membolehkan penubuhan institusi kewangan Islam antarabangsa baharu yang akan dibenarkan menawarkan rangkaian penuh perkhidmatan kewangan Islam kepada pemastautin dan bukan pemastautitn dalam mata wang antarabangsa. Inisiatif-inisiatif ini juga bertujuan bertindak sebagai pemangkin pembangunan pasaran kewangan domestik dan juga pembangunan tenaga mahir serta pengetahuan dalam kewangan Islam. Kerjasama dengan pusat serantau lain yang sedang pesat membangun dalam kewangan Islam bakal menjadi bahagian penting proses ini yang akan menyumbang kepada integrasi kewangan antarabangsa yang lebih kukuh.

Penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam pada tahun 2002 merupakan penambahbaikan struktur yang besar dalam pembinaan arkitektur kewangan antarabangsa bagi kewangan Islam. Pencapaian yang diraih setakat ini oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dalam membangunkan piawaian berhemat yang boleh diaplikasikan secara universal adalah amat memberangsangkan. Usaha-usaha tersebut merupakan testimoni terhadap keupayaan kolektif bagi kerjasama antarabangsa yang lebih meluas, yang telah menyumbang kepada pengukuhan struktur kewangan Islam.

Sementara rangka kerja perundangan dan peraturan sentiasa dikaji semula untuk memastikan ia terus relevan dengan pelbagai bidang aktiviti kewangan baharu, usaha tersebut sewajarnya tidak dilaksanakan hanya untuk sistem kewangan Islam domestik tetapi juga perlu dilaksanakan dalam konteks sistem kewangan antarabangsa.

Kesimpulan

Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam kerana telah mengarahkan 'Kajian tentang Isu-Isu Perundangan dan Syariah dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam' dilaksanakan. Hasil kajian tersebut merupakan suatu sumbangan penting ke arah menambahkan lagi karya-karya penulisan mengenai rangka kerja perundangan dan Syariah yang sedia ada merentas pelbagai negara. Hasil kajian itu digunakan sebagai sumber rujukan berguna bagi negara-negara yang berminat untuk mewujudkan rangka kerja perundangan dan Syariah untuk sistem kewangan Islam mereka. Perbincangan tentang hasil kajian, dan pertukaran pendapat dan pengalaman antara para peguam, cendekiawan Syariah dan pengamal kewangan Islam adalah penting dalam menyumbang kepada peningkatan kecekapan dalam kewangan Islam selain meningkatkan keutuhannya sebagai sebuah komponen penting dalam sistem kewangan global.

KALENDAR PERISTIWA
Januari – April 2007

3 Januari 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa institusi perbankan kini diberikan kelonggaran untuk menentukan dasar dalaman mereka berhubung dengan pengawalan aktiviti pelaburan berkaitan ekuiti. Kelonggaran ini merangkumi penentuan jenis pelaburan dalam saham dan kepentingan saham yang boleh dibuat serta penentuan had dalaman bagi pendedahan kepada sesebuah kaunter. Jenis saham yang boleh dilaburkan oleh sesebuah institusi di bawah rangka kerja baharu ini akan diperluas untuk merangkumi semua saham tersenarai, saham keutamaan, saham tak tersenarai dan ekuiti asing. Bank juga dibenarkan untuk memegang saham institusi perbankan lain, tertakluk kepada had maksimum 5% daripada modal berbayar institusi berlesen berkenaan. Sebagai langkah perlindungan yang berhemat, institusi perbankan dikehendaki mematuhi had pelaburan dalam saham dan kepentingan saham secara keseluruhan sebanyak 25% daripada modal asas institusi berkenaan.

12 Januari 2007

Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dilantik sebagai Pengerusi Majlis Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) keempat bagi penggal setahun bermula dari bulan Januari hingga bulan Disember 2007. Jawatan tersebut sebelum ini disandang Gabenor Bank Pusat Kuwait, Sheikh Salem Abdul-Aziz Al-Saud Al-Sabah. Pengerusi IFSB ialah pelantikan tahunan secara bergilir-gilir dalam kalangan Ahli Penuh IFSB.

19 Januari 2007

Bank Negara Malaysia, sebagai Sekretariat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, mengumumkan lebih banyak inisiatif untuk menyokong pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam mesyuarat Majlis yang keenam. Antara inisiatif tersebut ialah: pemberian kemudahan mikrokewangan oleh institusi kewangan; penambahbaikan strategi dan inisiatif pemasaran untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan PKS tempatan ke pasaran global; penambahbaikan portal web SMEinfo; dan penubuhan direktori khidmat nasihat berasaskan web – Rangkaian Penasihat Perniagaan PKS (SME-NET).

26 Januari 2007

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Commitée, MPC) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat pertamanya tahun ini memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada paras 3.50 peratus. Dalam pernyataannya, MPC mengambil maklum bahawa ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan paras pertumbuhan yang mampan dalam keadaan tekanan inflasi sederhana yang dijangka dapat dibendung pada tahun ini. MPC mengekalkan keputusannya untuk menetapkan OPR pada paras yang sama dalam mesyuarat keduanya pada 26 Februari.

28 Februari 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia terus mencapai pertumbuhan yang mampan pada suku keempat tahun 2006 dengan keluaran dalam negeri kasar berkembang 5.7%. Pertumbuhan tersebut lebih menyeluruh dengan kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif. Dengan didorong sentimen pengguna yang lebih kukuh dan keyakinan perniagaan yang mampan, sektor swasta merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan selain sokongan sektor luaran dan awam. Bagi keseluruhan tahun 2006, KDNK meningkat 5.9%.

21 Mac 2007

Bank Negara Malaysia mengeluarkan Laporan Tahunan 2006 dan penerbitan sulung Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2006. Gabenor Bank Negara Malaysia dalam sidang media berkaitan mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang dengan mampan pada tahun 2007, disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Gabenor juga mengumumkan liberalisasi selanjutnya dasar pentadbiran pertukaran asing. Liberalisasi tersebut merangkumi tiga langkah utama: memudahkan pembangunan pasaran kewangan domestik dengan memberikan lebih kefleksibelan kepada bank tempatan berlesen untuk menjalankan perniagaan mata wang asing; memudahkan pelaburan dalam aset ringgit oleh bukan pemastautin dengan menambah bilangan pelabur dalam aset dan produk kewangan ringgit; dan meningkatkan kecekapan perniagaan dan membantu pembangunan pasaran modal menerusi pengurangan kos menjalankan perniagaan di samping memperdalam dan memperluas pasaran modal.

26 hingga 29 Mac 2007

Bank Negara Malaysia menjadi tuan rumah Forum Kewangan Islam Global (Global Islamic Finance Forum, GIFF) bersempena dengan Mesyuarat Tahunan dan Seminar IFSB 2007 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Beberapa acara utama telah dianjurkan, iaitu Forum Pengawal Selia Kewangan dalam Kewangan Islam; Forum Pelabur dan Penerbit; dan Forum Undang-undang Perbankan dan Kewangan 2007. Sebuah pameran juga dianjurkan bersempena dengan GIFF bertujuan mempamerkan pelbagai jenis perkhidmatan dan produk kewangan Islam di samping peluang-peluang pelaburan yang ditawarkan oleh Malaysia.

27 Mac 2007

Bank Negara Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) masing-masing dengan Pihak Berkuasa Pengawalseliaan Pusat Kewangan Qatar dan Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Dubai. MoU tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) bagi mewujudkan hubungan kerjasama dengan rakan-rakan strategik utama ke arah pembangunan yang lebih pesat dan peningkatan kesalinghubungan dalam kewangan Islam. Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengeluarkan Nota Maklumat Bersama berkaitan dengan rangka kerja pemudahan pengawalseliaan bagi terbitan bon dan sukuk dalam denominasi mata wang asing di Malaysia.

3 April 2007

Bank Negara Malaysia sebagai Sekretariat MIFC mengumumkan pelantikan Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah sebagai Duta Kewangan bagi inisiatif MIFC antarabangsa. Duta Kewangan berperanan menyokong MIFC melalui peningkatan hubungan dua hala antara Malaysia dengan pemimpin-pemimpian negara, ketua-ketua industri dan pembuat keputusan utama bagi komuniti kewangan serantau dan global, terutamanya dari negara-negara Timur Tengah.

10 April 2007

Bank Negara Malaysia bersama-sama dengan Kementerian Pengajian Tinggi memudah cara dialog antara universiti dengan wakil industri kewangan dan pasaran modal sebagai satu usaha untuk memperkukuh kerjasama antara kedua-dua industri itu. Pelbagai isu dibincangkan termasuk permintaan terhadap kepakaran dan kemahiran baharu untuk industri kewangan; kesesuaian para graduan dalam memenuhi keperluan industri; dan prospek ke arah kerjasama yang lebih meluas dalam bidang pembangunan kurikulum dan penyelidikan. Kerjasama yang tersusun ini merintis jalan ke arah pewujudan sistem universiti yang lebih dinamik dan responsif yang mampu memberikan sumbangan dengan berkesan terhadap pembangunan sektor perkhidmatan kewangan dan ekonomi negara.

18 April 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan pengeluaran rangka kerja modal semakan bagi institusi perbankan dan penanggung insurans. Rangka kerja modal semakan ini akan dilaksanakan secara percubaan bermula pada bulan April 2007. Rangka kerja ini yang konsisten dengan piawaian dan prinsip global terbaik akan menggalakkan perlindungan yang lebih kukuh terhadap kepentingan pelbagai pihak berkepentingan, terutama pendeposit dan pemegang polisi kedua-dua industri.

27 April 2007

Pada mesyuaratnya yang ketiga bagi tahun 2007, MPC Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan OPR pada paras 3.50 peratus. Dalam pernyataannya, MPC mengambil maklum bahawa meskipun terdapat kemungkinan pertumbuhan eksport yang sederhana pada separuh tahun pertama, ekonomi Malaysia dijangka mengalami pertumbuhan mampan bagi keseluruhan tahun 2007.